



**JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**PENEMUAN UTAMA
BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN MALAYSIA, 2020
VERSI 2.0**

**KEY FINDINGS
POPULATION AND HOUSING CENSUS OF MALAYSIA, 2020
VERSION 2.0**

Pemakluman

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/ BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan (AES) 2022 bermula dari 15 April 2022 sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang telah memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

Penerbitan statistik ekonomi dan sosial iaitu Poket Stats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan boleh diperoleh dari portal DOSM atau melalui pautan https://bit.ly/PocketStatsS1_2022.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Connecting the World with Data We Can Trust".

Announcement

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/ BA) 2022 from 1st January 2022 until 31st December 2022 and the Annual Economic Survey (AES) 2022 from 15th April 2022 until 30th September 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing their information and making the survey a success. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

Economic and social statistics publication namely Pocket Stats which contain quarterly and annual statistics can be obtained from the DOSM portal or via the link https://bit.ly/PocketStatsQ1_2022.

Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is "Connecting the World with Data We Can Trust".

Diterbitkan dan dicetak oleh/ *Published and printed by:*

Jabatan Perangkaan Malaysia

Department of Statistics, Malaysia

Blok C6, Kompleks C,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62514 Putrajaya,

MALAYSIA

Tel.	: 03-8885 7000
Faks/ Fax	: 03-8888 9248
Portal	: https://www.dosm.gov.my
Facebook/ Twitter/ Instagram/ YouTube	: StatsMalaysia
Emel/ Email	: info@dosm.gov.my (pertanyaan umum/ general enquiries)
	: data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data/ data request & enquiries)

Harga/ Price : RM30.00

Diterbitkan pada Mei 2022/ *Published on May 2022*

Hakcipta terpelihara/ All rights reserved

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

"Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia"

No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in data base without the prior written permission from Department of Statistics, Malaysia. Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:

"Source : Department of Statistics, Malaysia."

ISBN 978-967-253-509-6

KATA PENGANTAR

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) yang keenam telah dilancarkan pada bulan Julai 2020. Projek nasional berimpak tinggi ini memainkan peranan penting dalam membentuk masa depan negara. Data Banci Malaysia 2020 ini akan menjadi rujukan penting kepada Kerajaan, ahli akademik, sektor swasta, pihak berkuasa tempatan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan individu sebagai input penggubalan dasar, pemantauan dan penilaian keberkesanan program pembangunan negara serta penyelidikan.



DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN
Ketua Perangkawan Malaysia
merangkap Pesuruhjaya Banci 2020

Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 akan digunakan bagi tujuan pengukuran pencapaian pelaksanaan dasar oleh kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang mencapai pertumbuhan yang mampan dengan pengagihan yang adil dan saksama antara kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantai bekalan.

Penerbitan ini merangkumi parameter utama iaitu penduduk, isi rumah, tempat kediaman, jantina, kumpulan umur, kewarganegaraan, kumpulan etnik, agama dan taraf perkahwinan di peringkat daerah pentadbiran. Statistik lain juga tersedia iaitu purata kadar pertumbuhan penduduk tahunan, nisbah tanggungan, nisbah jantina, keluasan, kepadatan penduduk dan penduduk mengikut strata. Di peringkat mukim dan pihak berkuasa tempatan, parameter yang diliputi ialah penduduk mengikut jantina, tempat kediaman, isi rumah dan purata saiz isi rumah.

Banci Malaysia 2020 telah menjalani proses transformasi bermula pada peringkat awal penyediaan senarai tempat kediaman, pengumpulan data sehingga ke peringkat penyebaran statistik kepada awam. Transformasi ini membolehkan Jabatan mengeluarkan penerbitan Banci Malaysia 2020 lebih awal namun masih memastikan kualiti data yang dikeluarkan terjamin.

Jabatan mengucapkan terima kasih atas kerjasama dan sumbangan semua pihak dalam menjayakan penerbitan ini. Semoga penerbitan ini dapat menyumbang ke arah pembangunan negara yang lestari dan maju.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN
Ketua Perangkawan Malaysia
merangkap Pesuruhjaya Banci 2020
Profesor Adjung (UiTM, UUM, MSU)

PREFACE

The sixth Population and Housing Census of Malaysia 2020 (MyCensus 2020) was launched in July 2020. This high-impact national project plays an important role in shaping the future of the nation. The data obtained from the MyCensus 2020 will be an important reference for Government, academicians, private sectors, local authorities, Non-Governmental Organizations (NGO) and individuals as input for policy formulation, monitoring and evaluation of the effectiveness of national development programs and research.



DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN
Chief Statistician Malaysia
Census Commissioner 2020

The Key Findings of the Population and Housing Census of Malaysia 2020 will be used in measuring the achievements of policy implementation by the government towards becoming a nation that achieves sustainable growth with fair and equitable distribution across income groups, ethnicities, regions and supply chains.

This publication covering main parameters namely population, households, living quarters, sex, age group, citizenship, ethnic group, religion and marital status at the administrative districts level. Other statistics are also available namely average annual population growth rate, dependency ratio, sex ratio, area, population density and population by stratum. For parameters at mukim and local authority areas comprise of population by sex, living quarters, households and average household size.

MyCensus 2020 has undergone a transformation process from the very early stage of preparing the living quarters listing, data collection up to the stage of statistics dissemination to the public. This transformation allows the Department to release MyCensus 2020 publications in advance while ensuring the quality of the data produced.

The Department gratefully acknowledges the cooperation and contribution by all parties in making this publication a success. It is hoped that information from MyCensus 2020 will contribute towards sustainable national development as well as progress of the nation.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN
Chief Statistician Malaysia
Census Commissioner 2020
Adjunct Professor (UiTM, UUM, MSU)

MAY 2022

ISI KANDUNGAN
CONTENTS

	Muka Surat Page
Kata Pengantar <i>Preface</i>	iii
Isi Kandungan <i>Contents</i>	v
Pengenalan <i>Overview</i>	ix
Latar Belakang <i>Background</i>	xv
Bahagian 1 <i>Part 1</i>	
Ringkasan Penemuan <i>Summary of Findings</i>	5
Bahagian 2 <i>Part 2</i>	
Artikel <i>Articles</i>	23
Bahagian 3 <i>Part 3</i>	
Senarai Jadual <i>List of Tables</i>	

Statistik Penduduk dan Perumahan
Population and Housing Statistics

1	Statistik utama penduduk pada tahun banci, Malaysia <i>Principal statistics of population on census year, Malaysia</i>	73
2	Bilangan penduduk dan nisbah jantina mengikut negeri, Malaysia, 2020 <i>Number of population and sex ratio by state, Malaysia, 2020</i>	75
3	Bilangan penduduk mengikut kumpulan umur, jantina dan negeri, Malaysia, 2020 <i>Number of population by age group, sex and state, Malaysia, 2020</i>	76
4	Bilangan penduduk mengikut kumpulan etnik, jantina dan negeri, Malaysia, 2020 <i>Number of population by ethnic group, sex and state, Malaysia, 2020</i>	79
5	Bilangan penduduk mengikut taraf perkahwinan, jantina dan negeri, Malaysia, 2020 <i>Number of population by marital status, sex and state, Malaysia, 2020</i>	82

6	Bilangan penduduk mengikut agama, jantina dan negeri, Malaysia, 2020 <i>Number of population by religion, sex and state, Malaysia, 2020</i>	85
7	Bilangan isi rumah dan purata saiz isi rumah mengikut negeri, Malaysia, 2020 <i>Number of households and average household size by state, Malaysia, 2020</i>	88
8	Bilangan tempat kediaman, isi rumah dan penduduk mengikut negeri, Malaysia, 2020 <i>Number of living quarters, households and population by state, Malaysia, 2020</i>	89
9	Data awalan tempat kediaman kosong mengikut sebab utama kekosongan, negeri, Malaysia, 2020 <i>Preliminary data of vacant living quarters by main reasons of vacancy, state, Malaysia, 2020</i>	90

Indikator Demografi Terpilih

Selected Demographic Indicators

10	Indikator demografi terpilih mengikut jantina dan negeri, Malaysia, 2020 <i>Selected demographic indicators by sex and state, Malaysia, 2020</i>	93
11	Indeks jurang gender mengikut negeri, Malaysia, 2020 <i>Gender gap index by state, Malaysia, 2020</i>	99
12	Kelahiran hidup (bilangan dan kadar) mengikut jantina dan negeri, Malaysia, 2020 <i>Live births (number and rate) by sex and state, Malaysia, 2020</i>	100
13	Kelahiran hidup mengikut kumpulan umur ibu dan negeri, Malaysia, 2020 <i>Live births by age group of mother and state, Malaysia, 2020</i>	101
14	Kelahiran hidup mengikut kumpulan etnik dan negeri, Malaysia, 2020 <i>Live births by ethnic group and state, Malaysia, 2020</i>	102
15	Kematian (bilangan dan kadar) mengikut jantina dan negeri, Malaysia, 2020 <i>Death (number and rate) by state and sex, Malaysia, 2020</i>	103


	Muka Surat <i>Page</i>
16 Kematian mengikut kumpulan umur, strata dan jantina, Malaysia, 2020 <i>Death by age group, stratum and sex, Malaysia, 2020</i>	104
17 Kematian mengikut kumpulan etnik dan negeri, Malaysia, 2020 <i>Death by ethnic group and state, Malaysia, 2020</i>	105
18 Kadar Kesuburan Jumlah dan Kadar Kesuburan Umur Tertentu mengikut negeri, Malaysia, 2020 <i>Total Fertility Rate and Age-specific Fertility Rate by state, Malaysia, 2020</i>	106
19 Kadar Kesuburan Jumlah mengikut kumpulan etnik dan negeri, Malaysia, 2020 <i>Total Fertility Rate by ethnic group and state, Malaysia, 2020</i>	107
20 Sepuluh sebab kematian utama (disahkan dan tidak disahkan secara perubatan), Malaysia, 2020 <i>Ten principal causes of death (medically certified and non-medically certified), Malaysia, 2020</i>	108
21 Perkahwinan (bilangan dan kadar) mengikut negeri, Malaysia, 2020 <i>Marriage (number and rate) by state, Malaysia, 2020</i>	109
22 Perkahwinan mengikut kumpulan umur dan negeri (tempat kediaman), Malaysia, 2020 <i>Marriage by age group and state (place of residence), Malaysia, 2020</i>	110
23 Perkahwinan mengikut kumpulan etnik dan negeri (tempat kediaman), Malaysia, 2020 <i>Marriage by ethnic group and state (place of residence), Malaysia, 2020</i>	111
24 Perceraian (bilangan dan kadar) mengikut negeri, Malaysia, 2020 <i>Divorce (number and rate) by state, Malaysia, 2020</i>	112
25 Perceraian mengikut kumpulan umur dan negeri (tempat kediaman), Malaysia, 2020 <i>Divorce by age group and state (place of residence), Malaysia, 2020</i>	113
26 Perceraian mengikut kumpulan etnik dan negeri (tempat kediaman), Malaysia, 2020 <i>Divorce by ethnic group and state (place of residence), Malaysia, 2020</i>	114

		Muka Surat Page
27	Jangkaan hayat ketika lahir mengikut negeri, Malaysia, 2020^P <i>Life expectancy at birth by state, Malaysia, 2020^P</i>	115
28	Jangkaan hayat ketika lahir mengikut kumpulan etnik dan jantina, Malaysia, 2020^P <i>Life expectancy at birth by ethnic group and sex, Malaysia, 2020^P</i>	116
29	Jangkaan hayat mengikut kumpulan umur tertentu, jantina dan negeri, Malaysia, 2020^P <i>Life expectancy at specific age group, sex and state, Malaysia, 2020^P</i>	117
Bahagian 4 <i>Part 4</i>	Nota Teknikal <i>Technical Notes</i>	121
Bahagian 5 <i>Part 5</i>	Lampiran <i>Appendices</i>	219


PENGENALAN

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) merupakan banci keenam dilaksanakan sejak penubuhan Malaysia pada tahun 1963. Pelaksanaan banci kali ini adalah sejajar dengan *Resolution on 2020 World Population and Housing Census Programme* yang dipersetujui pada 10 Jun 2015 oleh *United Nations Economic and Social Council* yang menyarankan setiap negara ahli melaksanakan Banci Penduduk dan Perumahan sekurang-kurangnya sekali bagi tempoh 2015 hingga 2024.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 12 Julai 2017 telah bersetuju supaya Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaksanakan Banci Malaysia 2020. Tadbir urus Banci Malaysia 2020 terdiri daripada Jawatankuasa Pemandu Banci yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara dan Jawatankuasa Utama Banci yang dipengerusikan oleh Ketua Perangkawan Malaysia selaku Pesuruhjaya Banci, serta melibatkan pelbagai agensi di peringkat persekutuan dan negeri meliputi Timbalan Pesuruhjaya, Penolong Pesuruhjaya dan Penguasa Daerah. Selain itu hampir lapan ribu orang Penyelia dan 40 ribu orang Pembanci telah dilantik bagi tempoh 2017 hingga 2022.



Penularan pandemik COVID-19 merupakan cabaran semasa pelaksanaan Banci Malaysia 2020. Banci Malaysia 2020 telah dijadualkan semula sebanyak empat kali dalam tempoh Julai 2020 hingga Oktober 2021 susulan penularan COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara yang menyebabkan tempoh operasi pembancian mengambil masa selama 482 hari untuk diselesaikan. Operasi Banci Malaysia 2020 telah ditutup secara rasmi pada 31 Oktober 2021 dan dapatan operasi awalan telah pun diumumkan pada 1 November 2021.



Banci Malaysia 2020 telah melalui proses transformasi dengan penggunaan Teknologi Maklumat Komunikasi (ICT) yang terkini bagi aktiviti pembancian melalui *Malaysia Integrated of Population and Housing Census System (MyIPCS)* yang meliputi 10 modul. Bagi tujuan operasi, lima mod pembancian telah diguna pakai. Seramai 23.7 peratus penduduk telah dibanci secara dalam talian iaitu melalui mod *e-Census* dan *Computer Assisted Telephone Interview (CATI)*. Manakala 76.3 peratus penduduk telah dibanci menggunakan kaedah pembancian secara bersemuka sama ada melalui mod *Computer-Assisted Personal Interview (CAPI)*, *Paper and Pen Interview (PAPI)* atau *Drop-Off and Pick-Up (DOPU)*. Daripada 76.3 peratus pembancian secara bersemuka, 68.2 peratus adalah pembancian melalui CAPI dan 8.1 peratus adalah melalui PAPI dan DOPU. Justeru itu, pelaksanaan banci pada 2020 mengadaptasi transformasi pendigitalan yang boleh menjimatkan penggunaan dokumen secara *hardcopy* atau *paperless*.

Pendekatan pengurusan bersepadu telah diperkenalkan oleh DOSM iaitu dengan membangunkan portal banci (www.mycensus.gov.my) yang selamat, komprehensif dan interaktif bagi tujuan pelaksanaan Banci Malaysia 2020. Portal ini menjadi gerbang maklumat yang membekalkan pelbagai informasi banci dalam bentuk infografik, visualisasi interaktif dan pelbagai aplikasi atas talian berkaitan banci seperti Stats Geoportal yang menyediakan data banci dalam format geospasial interaktif bagi peringkat kawasan geografi terkecil sehingga ke peringkat daerah. Satu *platform* khas iaitu *dashboard* Banci Malaysia 2020 telah dibangunkan untuk menyediakan data di hujung jari yang dapat memenuhi keperluan pemegang taruh dalam perancangan pembangunan sosio ekonomi. Secara tidak langsung, ia dapat merapatkan jurang digital dalam capaian sumber data yang pelbagai dan kompleks.



Outcome Banci Malaysia 2020 akan memberi tumpuan kepada agenda nasional dan menjadi penanda aras baru pencapaian negara. Maklumat yang berintegriti dan *reliable* digunakan sebagai input dalam membuat keputusan yang tepat berorientasikan *evidence-based policy* untuk perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian *blueprint* pembangunan negara. Statistik yang terkini dan *reliable* dapat menyumbang ke arah keseimbangan dan kelestarian pembangunan bandar melalui pembangunan fizikal dan susunan yang terancang serta memperkukuh inklusiviti ke arah masyarakat yang sejahtera.

Sebanyak 45 topik penerbitan Banci Malaysia 2020 akan disediakan. Penerbitan ini mengandungi sembilan petunjuk/ indikator iaitu penduduk, isi rumah, tempat kediaman, jantina, umur, kewarganegaraan, etnik, agama dan taraf perkahwinan. Lebih daripada 1,000 laporan Banci Malaysia 2020 merangkumi 13 negeri, 3 wilayah persekutuan, 160 daerah pentadbiran (termasuk Perlis, W.P. Kuala Lumpur dan W.P. Labuan), 222 parlimen dan 600 dewan undangan negeri akan diterbitkan secara berperingkat bermula Februari 2022 sehingga 2024.


OVERVIEW

Population and Housing Census of Malaysia 2020 (MyCensus 2020) is the sixth census conducted since the establishment of Malaysia in 1963. The implementation of MyCensus 2020 is in line with the Resolution on 2020 World Population and Housing Census Program agreed on 10 June 2015 by the United Nations Economic and Social Council (ECOSOC) which recommends that each member state implement its census at least once during the period 2015 to 2024.

The Cabinet Meeting on 12 July 2017 has agreed that the Department of Statistics, Malaysia (DOSM) implement MyCensus 2020. The governance of MyCensus 2020 comprise of the Census Steering Committee chaired by the Chief Secretary to the Government and the Census Main Committee chaired by the Chief Statistician Malaysia as the Census Commissioner and the committee as well as various agencies from federal and state levels. The operation of the census is led by the Deputy Commissioner, Assistant Commissioner and District Superintendent. In addition, almost eight thousand Supervisors and 40 thousand Enumerators have been appointed for the period 2017 to 2022.



The outbreak of the COVID-19 pandemic in early 2020 has been a challenge to conduct of MyCensus 2020. MyCensus 2020 was rescheduled four times in the period of July 2020 to October 2021 following the COVID-19 outbreak and the implementation of the Movement Control Order (MCO). Thus, the census enumeration took 482 days to complete. MyCensus 2020 operation was officially closed on 31 October 2021 and the preliminary operation findings were announced on 1 November 2021.



MyCensus 2020 has undergone a transformation process with the usage of Information and Communications Technology (ICT) in census activities via Malaysia Integrated Population and Housing Census System (MyIPCS) which covers 10 modules. For census operation, five modes have been used. A total of 23.7 per cent of the population was counted online through e-Census and Computer Assisted Telephone Interview (CATI). Meanwhile, 76.3 per cent of the population was counted using the face-to-face interview either through Computer Assisted Personal Interview (CAPI), Paper and Pen Interview (PAPI) or Drop-Off and Pick-Up (DOPU). Out of the 76.3 per cent face-to-face interview, 68.2 per cent were through CAPI and 8.1 per cent were through PAPI and DOPU. Therefore, the implementation of the census in 2020 adapts the transformation of digitalisation that enabled a reduction in the use of hardcopy or paperless.

An integrated management has been introduced by DOSM by developing a secured, comprehensive and interactive census portal (www.mycensus.gov.my) for the purpose of implementing the MyCensus 2020. This portal is an information gateway that provides various census information in the form of infographics, interactive visualizations and various online applications such as Stats Geoportal which provide census data in an interactive geospatial format for the smallest geographical area level up to the district level. A special platform, MyCensus 2020 dashboard has been developed to provide data at finger tips to fulfil stakeholders' need in socio-economic development planning. Indirectly, it can bridge the digital divide in accessing diverse and complex data sources.


The outcome of MyCensus 2020 will focus on the national agenda and serve as benchmark of national achievement. Integrity and reliable information are used as input in making evidence-based policy decision making in planning, implementation, monitoring and evaluation of national development blueprints. Latest and reliable statistics contribute towards the balance and sustainability of urban development through physical development and strengthening inclusivity towards prosperous society.

A total of 45 MyCensus 2020 publication topics will be published. This publication comprises nine main indicators namely population, households, living quarters, sex, age group, citizenship, ethnic group, religion and marital status. More than 1,000 MyCensus 2020 reports covering 13 states, 3 federal territories, 160 administrative districts (includes Perlis, W.P. Kuala Lumpur and W.P. Labuan), 222 parliaments and 600 state assemblies will be published in stages from February 2022 to 2024.

LATAR BELAKANG MALAYSIA

Malaysia ialah sebuah negara persekutuan yang terletak di Asia Tenggara. Malaysia mempunyai dua kawasan utama yang terpisah oleh Laut China Selatan iaitu Semenanjung Malaysia yang bersempadan dengan Thailand di utara dan Singapura di selatan serta Malaysia Timur pula terletak di bahagian utara Pulau Borneo yang bersempadan dengan Indonesia di selatan dan Brunei di utara. Malaysia terdiri daripada 13 buah negeri dan 3 Wilayah Persekutuan.

Pada tahun 2020, Malaysia mempunyai keluasan 330,411.35 kilometer persegi dengan jumlah penduduk seramai 32,447,385 dan mempunyai kepadatan 98 orang per kilometer persegi. Malaysia mencatatkan bilangan lelaki melebihi perempuan dengan nisbah jantina 110 lelaki bagi setiap 100 orang perempuan. Penduduk Malaysia terdiri daripada Warganegara 29,756,315 (91.7%) dan Bukan Warganegara 2,691,070 (8.3%) dengan komposisi mengikut etnik adalah Bumiputera 20,649,533 (69.4%), Cina 6,892,367 (23.2%), India 1,998,778 (6.7%), Lain-lain 215,637 (0.7%).




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

BACKGROUND OF MALAYSIA

Malaysia is a federal country located in Southeast Asia. Malaysia has two main areas that separated by the South China Sea, namely Peninsular Malaysia which bordering with Thailand in the north and Singapore in the south. East Malaysia is located in the northern part of Borneo Island which bordering Indonesia in the south and Brunei in the north. Malaysia consists of 13 states and 3 Federal Territories.


In 2020, Malaysia has a total area of 330,411.35 square kilometres with a total population of 32,447,385 and has a density of 98 people per square kilometre. Malaysia recorded more males than females with a sex ratio of 110 males for every 100 females. Malaysia population consists of Citizens 29,756,315 (91.7%) and Non-Citizens 2,691,070 (8.3%) with a composition by ethnicity of Bumiputera 20,649,533 (69.4%), Chinese 6,892,367 (23.2%), Indians 1,998,778 (6.7%), Others 215,637 (0.7%).



Source: Department Of Statistics Malaysia




PENDUDUK MALAYSIA




Purata kadar pertumbuhan penduduk tahunan

1.7%

Warganegara



Bukan Warganegara



PENDUDUK MENGIKUT KUMPULAN UMUR



Tempat Kediaman
9,614,139



Isi Rumah
8,234,644



Purata Saiz Isi Rumah
3.9




Bandar
75.1%




Luar bandar
24.9%

PENDUDUK MENGIKUT JANTINA



PENDUDUK WARGANEGARA MENGIKUT KUMPULAN ETNIK

Bumiputera	69.4%
Cina	23.2%
India	6.7%
Lain-lain	0.7%



TARAF PERKAHWINAN (Penduduk berumur 15 tahun dan lebih)

Tidak pernah berkahwin

8,391,776

Berkahwin

13,696,428

Balu/ Duda

946,236

Bercerai/ Berpisah


393,429



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA





POPULATION OF MALAYSIA



Average annual
population growth rate
1.7%

Citizens

Non-citizens



POPULATION BY AGED GROUP



Living Quarters
9,614,139



Households
8,234,644



Households Size
3.9



Urban
75.1%




Rural
24.9%

POPULATION BY SEX

16,966,217


15,481,168

Sex ratio:
110 males per
100 females



ETHNIC GROUP OF CITIZENS

Bumiputera	69.4%
Chinese	23.2%
Indians	6.7%
Others	0.7%



MARITAL STATUS

(Population aged 15 years and over)

Never married

8,391,776

Married

13,696,428

Widowed


946,236

Divorced/ Separated

393,429

BAHAGIAN 1
PART 1
RINGKASAN PENEMUAN
SUMMARY OF FINDINGS


1. Penduduk



Banci Malaysia 2020 merekodkan bilangan penduduk di Malaysia berjumlah 32.4 juta (2010: 27.5 juta) dengan kadar purata pertumbuhan penduduk tahunan 1.7 peratus bagi tempoh 2010 hingga 2020 (2000–2010: 2.1%).


Carta 1: Bilangan dan kadar purata pertumbuhan penduduk, Malaysia, 1991–2020

Taburan penduduk mengikut negeri menunjukkan Selangor mempunyai penduduk paling ramai (7.0 juta), diikuti Johor (4.0 juta) dan Sabah (3.4 juta). Sumbangan tiga negeri tersebut kepada jumlah penduduk Malaysia ialah 44.5 peratus. Negeri yang mempunyai penduduk paling rendah ialah W.P. Labuan dan W.P. Putrajaya iaitu masing-masing 0.1 juta.



Carta 2: Penduduk mengikut negeri, Malaysia, 2020


2. Jantina



Carta 3: Nisbah jantina mengikut negeri, Malaysia, 2020

Banci Malaysia 2020 mencatatkan bilangan lelaki melebihi perempuan dengan nisbah jantina 110 lelaki bagi setiap 100 orang perempuan. Nisbah lelaki berbanding perempuan secara relatifnya adalah tinggi bagi kebanyakan negeri seperti W.P. Kuala Lumpur (115), Johor (115), Selangor (113), Pahang (113), Melaka (111), Perak (109) dan Sabah (109). Sebaliknya, bilangan lelaki kurang daripada perempuan bagi negeri W.P. Putrajaya (96) seperti ditunjukkan di dalam Carta 3.

3. Komposisi Etnik




Carta 4: Penduduk mengikut kumpulan etnik, Malaysia, 2020

Jumlah penduduk Malaysia adalah 32.4 juta merangkumi 91.7 peratus (29.8 juta) warganegara Malaysia dan 8.3 peratus (2.7 juta) bukan warganegara. Warganegara Malaysia terdiri daripada kumpulan etnik Bumiputera 20.6 juta (69.4%), Cina 6.9 juta (23.2%), India 2.0 juta (6.7%) dan Lain-lain 0.2 juta (0.7%). Penduduk bukan warganegara Malaysia meningkat kepada 2.7 juta (8.3%) pada 2020 daripada 2.3 juta (8.2%) pada 2010.


4. Struktur Umur

Pada 2020, penduduk Malaysia berumur 15 tahun menurun kepada 24.0 peratus (2010: 27.6%). Sebaliknya, penduduk umur bekerja (15 hingga 64 tahun) meningkat kepada 69.3 peratus (2010: 67.3%), sekaligus menunjukkan peningkatan dalam potensi guna tenaga negara. Peratus penduduk berumur 65 tahun dan lebih juga meningkat kepada 6.8 peratus (2010: 5.0%).



Carta 5: Penduduk mengikut kumpulan umur, Malaysia, 2010 dan 2020


5. Nisbah Tanggungan



Carta 6: Nisbah tanggungan umur muda dan umur tua, Malaysia, 2010 dan 2020

Nisbah tanggungan jumlah menurun daripada 48.5 (2010) kepada 44.3 pada 2020. Nisbah tanggungan umur muda turut menurun daripada 41.0 kepada 34.6 bagi tempoh yang sama selari dengan peningkatan Penduduk umur bekerja (15 hingga 64 tahun). Manakala nisbah tanggungan umur tua meningkat selari dengan peralihan struktur umur tua ke arah penuaan penduduk di Malaysia.

6. Taraf Perkahwinan




Carta 7: Penduduk mengikut taraf perkahwinan, Malaysia, 2020

Pada 2020, penduduk berumur 15 tahun dan ke atas yang tidak pernah berkahwin adalah seramai 8.4 juta (34.0%) manakala penduduk yang berkahwin seramai 13.7 juta (55.5%).

7. Agama


Islam merupakan agama yang paling meluas dianuti di Malaysia dengan perkadaran 63.5 peratus (20.6 juta). Sebagai negara berbilang agama, antara agama lain yang dianuti adalah Buddha (18.7%), Kristian (9.1%) dan Hindu (6.1%).



Carta 8: Penduduk mengikut agama, Malaysia, 2020


8. Isi Rumah

Jumlah isi rumah pada Banci Malaysia 2020 adalah 8.2 juta berbanding 6.4 juta isi rumah pada Banci 2010 dengan kadar pertumbuhan purata tahunan 2.6 peratus dalam tempoh 2010 hingga 2020.



Carta 9: Bilangan isi rumah, Malaysia, 2010 dan 2020


Purata saiz isi rumah persendirian




Carta 10: Purata saiz isi rumah persendirian mengikut negeri, Malaysia, 2010 dan 2020

Purata saiz isi rumah persendirian di Malaysia menurun daripada 4.2 kepada 3.9 orang bagi tempoh satu dekad. Semua negeri menunjukkan penurunan berbanding Banci 2010 kecuali Kelantan dan W.P. Putrajaya. Pada 2020, Kelantan mencatatkan purata saiz isi rumah persendirian paling tinggi iaitu 4.8 orang bagi setiap isi rumah, diikuti Sabah (4.7 orang) dan Terengganu (4.1 orang). Negeri yang mencatatkan purata saiz isi rumah terendah adalah W.P. Kuala Lumpur (3.3 orang). Sabah mencatatkan penurunan saiz purata yang paling ketara iaitu daripada 5.5 orang pada tahun 2010 kepada 4.7 orang pada tahun 2020.

9. Tempat Kediaman



Carta 11: Bilangan tempat kediaman, Malaysia, 2010 dan 2020




Carta 12: Bilangan tempat kediaman mengikut negeri, Malaysia, 2020

Banci Malaysia 2020 menunjukkan tempat kediaman di Malaysia adalah 9.6 juta berbanding 7.3 juta pada tahun 2010. Daripada jumlah tersebut, tempat kediaman didiami merangkumi 80.6 peratus dan selebihnya 19.4 peratus adalah tempat kediaman kosong. Bilangan tempat kediaman mengikut negeri menunjukkan Selangor mempunyai jumlah tertinggi (2.1 juta), diikuti Johor (1.2 juta) dan Perak (0.8 juta). Negeri yang mempunyai jumlah tempat kediaman terendah ialah W.P. Labuan dan W.P. Putrajaya iaitu masing-masing 0.02 juta dan 0.04 juta.

10. Kepadatan Penduduk

Kepadatan penduduk berbeza di seluruh Malaysia. Secara purata, Malaysia mempunyai kepadatan penduduk 98 orang per kilometer persegi pada tahun 2020 berbanding 83 orang pada 2010. W.P. Kuala Lumpur mempunyai kepadatan penduduk tertinggi dengan 8,157 orang per kilometer persegi, diikuti oleh W.P. Putrajaya (2,215 orang) dan Pulau Pinang (1,659 orang). Sarawak mempunyai kepadatan penduduk terendah dengan 20 orang per kilometer persegi, diikuti oleh Pahang (44 orang) dan Sabah (46 orang).



Carta 13 : Kepadatan penduduk mengikut negeri, Malaysia, 2020


11. Penduduk Mengikut Strata

Kadar perbandaran di Malaysia meningkat kepada 75.1 peratus (24.3 juta) pada 2020 berbanding 70.9 peratus (19.5 juta) pada tahun 2010. Sementara itu, penduduk luar bandar 24.9 peratus pada 2020 berbanding 29.1 peratus pada tahun 2010. W.P. Kuala Lumpur dan W.P. Putrajaya mempunyai 100 peratus penduduk yang tinggal di kawasan bandar. Selain itu, Selangor merupakan negeri yang mempunyai kadar perbandaran paling pesat iaitu 95.8 peratus (2010: 91.3%), diikuti Pulau Pinang 92.5 peratus (2010: 90.7%) dan Melaka 90.9 peratus (2010: 86.5%).

STATISTIK UTAMA PENDUDUK BAGI NEGARA TERPILIH

Jepun terus mencatatkan nisbah tanggungan jumlah yang tinggi

Jepun masih mendahului bagi kategori umur penengah dan nisbah tanggungan jumlah yang paling tinggi berbanding negara lain iaitu umur penengah (48.4 tahun) dan nisbah tanggungan jumlah adalah 69.0 pada 2020. United Kingdom, Jepun, Australia dan United States mencatatkan penduduk perempuan lebih ramai berbanding lelaki.



Indikator	1 Malaysia*	2 United Kingdom	3 United States	4 Singapura	5 Indonesia	6 Australia	7 Jepun	8 Korea Selatan
Penduduk (Juta)	32.7	67.9	331.0	5.9	273.5	25.5	126.5	51.3
Nisbah Jantina	106	97.7	97.9	109.8	101.4	99.2	95.4	100.2
Umur Penengah (Tahun)	29.6	40.5	38.3	42.2	29.7	37.9	48.4	43.7
Nisbah Tanggungan Jumlah	43.6	57.1	53.9	34.5	47.5	55.1	69.0	39.5

° Anggaran

Nota:

Indikator bagi Malaysia dan penduduk merujuk kepada tahun 2021 manakala negara dan statistik lain merujuk kepada tahun 2015-2020

Sumber: World Penduduk Prospects: The 2019 Revision, United Nations (kecuali Malaysia)

1. Population




Chart 1: Number of population and average annual growth rate, Malaysia, 1991–2020

MyCensus 2020 recorded the total population of Malaysia was 32.4 million as compared to 27.5 million in 2010, registering an average annual population growth rate of 1.7 per cent for the period 2010 to 2020. the rate was lower compared to that of 2.1 per cent during 2000 to 2010.

Population distribution by state indicated that Selangor was the most populous state (7.0 million), followed by Johor (4.0 million) and Sabah (3.4 million). The share of these three states to the total population of Malaysia were 44.5 per cent. The least populated states were W.P. Labuan and W.P. Putrajaya at 0.1 million respectively.




Chart 2: Population by state, Malaysia, 2020

2. Sex




Chart 3: Sex ratio by state, Malaysia, 2020

MyCensus 2020 recorded males outnumbered females with the sex ratio of 110 in every 100 females. The ratio of males to females was relatively high for most states such as W.P. Kuala Lumpur (115), Johor (115), Selangor (113), Pahang (113), Melaka (111), Perak (109) and Sabah (109). On the other hand, males were outnumbered by females in W.P. Putrajaya (96) as shown in Chart 3.

3. Ethnic Composition




Chart 4: Population by ethnic group, Malaysia, 2020

The total population of Malaysia is 32.4 million which includes 91.7 per cent (29.8 million) Malaysian citizens and 8.3 per cent (2.7 million) non-citizens. Malaysian citizens comprised Bumiputera of 20.6 million (69.4%), Chinese 6.9 million (23.2%), Indians 2.0 million (6.7%) and Others 0.2 million (0.7%). Malaysia's non-citizen population increased to 2.7 million (8.3%) in 2020 from 2.3 million (8.2%) in 2010.

4. Age Structure

The percentage of Malaysians aged 15 and below in 2020 decreased to 24.0 per cent as compared to 27.6 per cent in 2010. In contrast, the percentage of the working age population (15 to 64 years) increased to 69.3 per cent from 67.3 per cent in 2010, thus indicating an increase in the country's potential employment. The percentage of the population aged 65 and over also increased to 6.8 per cent (2010: 5.0%)




Chart 5: Population by age group, Malaysia, 2010 and 2020

5. Dependency Ratio




Chart 6: Dependency ratio of young age and old age, Malaysia, 2010 and 2020

The total dependency ratio decreased from 48.5 (2010) to 44.3 in 2020. The young age dependency ratio also dropped from 41.0 to 34.6 for the same period in line with the increase of working age population (15 to 64 years). Meanwhile, the old age dependency ratio increased in line with the shift in the old age structure towards ageing population in Malaysia.

6. Marital Status




Chart 7: Population by marital status, Malaysia, 2020

In 2020, the population aged 15 years and over who never married were 8.4 million (34.0%) while those who are married were 13.7 million (55.5%).

7. Religion

Islam was the most widely professed religion in Malaysia with the proportion of 63.5 per cent (20.6 million). As a multi-racial nation, among other religions embraced were Buddhism (18.7%), Christianity (9.1%) and Hinduism (6.1%).




Chart 8: Population by religion, Malaysia, 2020

8. Household

A total number of households in MyCensus 2020 were 8.2 million as compared to 6.4 million households in Census 2010 with 2.6 per cent average annual growth rate during the period of 2010 to 2020.




Chart 9: Number of households, Malaysia, 2010 and 2020

Average private household size




Chart 10: Average private household size by state, Malaysia, 2010 and 2020

The average number of private household size in Malaysia declined from 4.2 to 3.9 persons in a decade. In comparison with 2010, all states showed a decline in average private household size except Kelantan and W.P. Putrajaya. The 2020 findings showed that, Kelantan recorded the highest average private household size with 4.8 persons per household followed by Sabah (4.7 persons) and Terengganu (4.1 persons). The lowest average private household size was recorded in W.P. Kuala Lumpur (3.3 persons). Sabah recorded the most significant decline in average private household size from 5.5 persons in 2010 to 4.7 persons in 2020.

9. Living Quarters




Chart 11: Number of living quarters, Malaysia, 2010 and 2020




Chart 12: Number of living quarters by state, Malaysia, 2020

MyCensus 2020 revealed that the total living quarters of Malaysia was 9.6 million as against with 7.3 million in 2010. From this total, occupied living quarters were 80.6 per cent and the remaining 19.4 per cent were vacant. Number of living quarters by state indicated that Selangor has the highest living quarters (2.1 million), followed by Johor (1.2 million) and Perak (0.8 million). The lowest total living quarters were W.P. Labuan and W.P. Putrajaya at 0.02 million and 0.04 million respectively.

10. Population Density

Population density varies greatly across Malaysia. On average, Malaysia has a population density of 98 persons per square kilometer in 2020 when compared with 83 persons in 2010. W.P. Kuala Lumpur had the highest population density with 8,157 persons per square kilometer, followed by W.P. Putrajaya (2,215 persons) and Pulau Pinang (1,659 persons). Sarawak has the lowest population density with 20 persons per square kilometer, followed by Pahang (44 persons) and Sabah (46 persons).




Chart 13: Population density by state, Malaysia, 2020


11. Population by Stratum

The urbanisation rate in Malaysia increased to 75.1 per cent (24.3 million) in 2020 as compared to 70.9 per cent (19.5 million) in 2010. Meanwhile, the population of rural area decreased to 24.9 per cent in 2020 as compared to 29.1 per cent in 2010. W.P. Kuala Lumpur and W.P. Putrajaya have 100 per cent of the population living in urban area. Apart from that, Selangor is the state with the fastest urbanisation rate at 95.8 per cent (2010: 91.3%), followed by Pulau Pinang 92.5 per cent (2010: 90.7%) and Melaka 90.9 per cent (2010: 86.5%).

PRINCIPAL POPULATION STATISTICS OF SELECTED COUNTRIES

Japan continue to lead on total dependency ratio

Japan continue to lead terms of median age (48.4 years) with and total dependency ratio of 69.0 in 2021. United Kingdom, Japan, Australia and United States recorded more female population than males.



^e Estimates

Notes:
Indicator for Malaysia and population refer to year 2021 while other country and statistics refer to 2015-2020
Source: World Population Prospects: The 2019 Revision, United Nations (exclude Malaysia)



BAHAGIAN 2

PART 2

ARTIKEL

ARTICLES

PENUAAN PENDUDUK MALAYSIA

Nazaria Baharudin; Ezatul Nisha Abdul Rahman; Mohamad Shukor Mat Lazim;
Rosmiyawati Anwar; Noor Faadlilah Ismail; Amirul Hafiz Azelan

1. PENGENALAN

Penuaan penduduk disifatkan sebagai satu fenomena di mana individu warga tua menjadi penyumbang sebahagian besar komposisi daripada keseluruhan jumlah populasi (*Ageing in the Twenty-First Century, United Nations (2012)*). Malaysia telah mentakrifkan warga tua atau warga emas sebagai individu yang berumur 60 tahun dan lebih seperti yang diterima pakai dalam *United Nations World Assembly on Ageing* di Vienna (*United Nations, 1982*) dan dalam kalangan negara-negara ASEAN. Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) telah digubal dan diluluskan oleh kerajaan pada 5 Januari 2011 bagi memberi perhatian kepada aspek kebajikan dan keperluan golongan warga emas.

United Nations telah menetapkan tiga kategori penuaan, iaitu *ageing society*, *aged society* dan *super-aged society* di mana masing-masing merujuk kepada penduduk berumur 65 tahun dan lebih mencecah 7 peratus, 14 peratus dan 20 peratus.

Jadual 1: Kategori penuaan penduduk

Kategori penuaan penduduk	Malaysia	
	Tahun	Peratus penduduk (%)
United Nations - Penduduk berumur 65 tahun dan lebih	2020 ¹	6.8
1. Ageing Society (7%)	2020 ²	7.2
2. Aged Society (14%)	2039 ²	14.1
3. Super Aged (20%)	2050 ²	19.9
Dasar Warga Emas Negara (DWEN) (60 tahun dan lebih: 15%)	2030 ²	15.3

Nota:

¹ Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020

² Unjuran Penduduk (Semakan Semula), 2010-2040 berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010


Berdasarkan DWEN, penduduk Malaysia telah diunjurkan mencapai negara menua pada 2030 dengan peratusan penduduk berumur 60 tahun dan lebih adalah 15.3 peratus. Data unjuran ini akan dikemaskini semula berasaskan Banci Malaysia 2020. Menurut kategori penuaan UN, Malaysia dijangka mengalami penuaan penduduk pada 2020 dengan

anggaran penduduk berumur 65 tahun dan lebih mencecah 7.2 peratus. Walau bagaimanapun, berdasarkan penemuan utama Banci Malaysia 2020, penduduk berumur 65 tahun dan lebih adalah 6.8 peratus.

2. PERUBAHAN STRUKTUR DEMOGRAFI PENDUDUK MALAYSIA

Peratusan penduduk umur muda (0-14 tahun) pada tahun 2020 menunjukkan pengucupan kepada 24.0 peratus berbanding 44.9 peratus pada 1970. Manakala, peratusan penduduk umur bekerja (15 hingga 59 tahun) meningkat kepada 65.7 peratus pada tahun 2020 berbanding 49.9 peratus pada 1970, sekaligus menunjukkan peningkatan dalam potensi guna tenaga negara. Penduduk Malaysia yang berumur 60 tahun dan ke atas pada tahun 1970 direkodkan 5.2 peratus dan trend umur kumpulan ini terus menunjukkan peningkatan kepada 10.3 peratus pada tahun 2020 berbanding tahun Banci sebelumnya. Sekiranya trend ini berterusan, Malaysia dijangka menjadi negara tua pada 2030.


Paparan 1: Struktur penduduk mengikut kumpulan umur pada tahun banci, Malaysia



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Perubahan kumpulan umur muda akan mencerminkan struktur piramid penduduk, dengan peratusan penduduk muda yang kurang menduduki dalam struktur sosial masyarakat. Bilangan kumpulan umur generasi akan datang akan berkurangan secara perlahan-lahan sekali gus mengubah landskap piramid penduduk. Perubahan dalam struktur umur penduduk boleh digambarkan melalui piramid penduduk yang dipaparkan di Rajah 1. Pada tahun 1957, bentuk piramid penduduk adalah progresif dengan tapak yang luas, cerun cekung dan puncak yang tajam. Pada tahun 2020, bentuk piramid penduduk Malaysia adalah regresif di mana tapak semakin mengecil dan dijangka kekal sehingga 2040. Puncak yang rata dan lebar menunjukkan populasi penduduk tua semakin meningkat.


Rajah 1: Piramid penduduk Malaysia pada tahun 1957 dan tahun banci 1970 serta tahun banci 2020 dan unjuran tahun 2040



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Transisi demografi adalah proses perubahan struktur penduduk yang perlahan di mana penduduk beralih dari tahap kesuburan dan kematian yang tinggi ke tahap kesuburan dan kematian yang rendah serta berlaku perubahan ketara terhadap taburan umur penduduk.

Paparan 2: Transisi demografi, Malaysia, 1911-2020




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Peralihan demografi Malaysia menunjukkan kadar kelahiran kasar (CBR) menunjukkan penurunan kepada 14.4 bagi setiap seribu penduduk pada 2020 dan kadar kematian kasar (CDR) juga menurun kepada 5.1 bagi setiap seribu penduduk pada 2020 (Paparan 2).

Penemuan utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 menunjukkan Perak mencatatkan peratusan penduduk tua (60 tahun dan lebih) tertinggi dengan 13.4 peratus. Ini diikuti oleh Kedah dan Perlis masing-masing mencatatkan 12.1 peratus dan 11.6 peratus.

Carta 1: Peratusan penduduk mengikut kumpulan umur utama dan negeri, Malaysia, 2020



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


3. FAKTOR PENUAAN PENDUDUK

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengenal pasti dua pemacu utama penuaan penduduk dunia adalah disebabkan oleh penurunan berterusan dalam kadar kesuburan jumlah (TFR) dan peningkatan jangka hayat.

3.1 Penurunan Kadar Kesuburan Jumlah

Kadar kelahiran kasar telah menurun dari 32.4 pada tahun 1970 kepada 14.4 bagi setiap seribu penduduk pada 2020, kadar terendah dalam tempoh lima dekad. Trend penurunan kadar kelahiran ini telah menyebabkan penurunan TFR. Sejak 2013, Malaysia telah mencatatkan penurunan TFR daripada 4.9 anak pada 1970 kepada 1.7 anak pada 2020 bagi setiap wanita berumur 15-49 tahun di mana ia telah mencatatkan TFR bawah paras penggantian kesuburan iaitu pada 2.1 anak bagi setiap wanita (Carta 2).

Carta 2: Kadar Kesuburan Jumlah, Malaysia, 1970-2020



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Punca penurunan kesuburan antaranya disumbangkan oleh peningkatan bilangan wanita dalam pendidikan tinggi dan penyertaan kaum wanita dalam tenaga buruh sehingga menyebabkan mereka lewat berkahwin atau memilih tidak kahwin. Perkahwinan lewat mendorong kepada kurang bilangan anak yang dilahirkan bagi setiap keluarga.

Menurut Naohiro YASHIRO (1988), dengan pendidikan dan peluang pekerjaan yang lebih baik, peratusan orang yang belum berkahwin meningkat dan ini merupakan fenomena biasa di negara moden dan perindustrian. Perkahwinan lewat turut menyebabkan purata umur ibu pada kelahiran hidup pertama meningkat daripada 26.6 tahun pada 2001 kepada 28.0 tahun pada 2020.


3.2 Peningkatan Jangkaan Hayat

Peningkatan jangka hayat telah menyebabkan pertambahan penduduk umur tua. Jangka hayat semasa lahir telah meningkat daripada 71.2 tahun pada 1991 kepada 75.1 tahun pada 2020. Lelaki dan perempuan yang ketika lahir pada 2020 masing-masing dijangka hidup selama 72.8 tahun dan 77.8 tahun lagi berbanding 69.2 tahun dan 73.4 tahun pada 1991.

Antara faktor peningkatan jangkaan hayat adalah disebabkan sistem perkhidmatan kesihatan yang baik seperti akses kepada penjagaan kesihatan yang mesra umur, kesedaran penduduk terhadap kepentingan menjaga kesihatan yang semakin meningkat dan pencegahan kepada penyakit kronik. Lindsay et al. (2014) menyatakan bahawa peningkatan jangka hayat dalam 200 tahun yang lalu adalah disebabkan oleh kawalan penyakit berjangkit, makanan yang banyak dan lebih selamat, keadaan kebersihan yang lebih baik, dan peningkatan sosial bukan perubatan yang lain.

Di peringkat global semua negara, seseorang yang berumur 65 tahun pada 2015-2020 secara purata dijangka boleh hidup dengan tambahan 17 tahun. Manakala menjelang 2045-2050, angka ini dijangka meningkat kepada 19 tahun (*World Population Ageing 2019, United Nations*).

Carta 3: Jangkaan hayat ketika lahir, Malaysia, 1991-2021^e



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

4. FAKTOR PENUAAN PENDUDUK

4.1 Impak kepada Ekonomi

a. Peningkatan Perbelanjaan Awam

Malaysia terdiri daripada tiga belas buah negeri dan tiga wilayah persekutuan. Setiap negeri dibahagikan kepada beberapa DP. Bagi Kelantan, peringkat DP dikenali sebagai 'Jajahan'. Setiap DP dipecahkan kepada mukim. Jenis struktur pentadbiran ini terpakai untuk semua negeri kecuali Kelantan, Sabah, Sarawak, W.P. Labuan dan W.P. Putrajaya. Dalam hal ini, negeri Kelantan terdapat tiga peringkat pentadbiran iaitu jajahan, daerah dan mukim. Bagi negeri Sabah, tidak wujud peringkat mukim, manakala bagi negeri Sarawak beberapa DP dipecahkan kepada daerah kecil. W.P. Labuan dan W.P. Putrajaya tidak mempunyai mukim atau sub bahagian lain sebagai satu unit pentadbiran. Senarai Mukim bagi setiap negeri adalah berdasarkan senarai yang telah dibekalkan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM).

Pada Banci Malaysia 2020, seorang pembanci dipertanggungjawab untuk menyelesaikan satu BP secara purata. Seorang penyelia akan memantau pembanci bagi tiga lingkungan banci (LB) yang setiap satunya mengandungi lebih kurang tujuh BP. Seorang Penguasa Daerah akan bertanggungjawab untuk satu DB yang mengandungi lebih kurang 15 LB. Semua Penguasa Daerah dalam setiap DP adalah di bawah tanggungjawab Penolong

Pesuruhjaya Banci. Timbalan Pesuruhjaya Banci di peringkat negeri pula bertanggungjawab ke atas semua Penolong Pesuruhjaya Banci di negeri masing-masing dan beliau bertanggungjawab terus kepada Pesuruhjaya Banci. Bagi melancarkan operasi banci, di setiap daerah juga mempunyai pegawai yang dilantik sebagai pegawai MyAD dan MyCD yang bertanggungjawab dalam aspek teknikal dan membantu memantau perjalanan operasi di lapangan. Sementara itu, daripada aspek latihan setiap pembanci dan penyelia diberikan latihan yang secukupnya sama ada melalui bengkel latihan mahupun melalui atas talian, iaitu program latihan *Malaysia Statistics Ubiquitous Learning (MySUL)*.

Organisasi banci di peringkat negeri dan kawasan geografi untuk tujuan banci adalah seperti berikut:

Jawatan	Kawasan Dipertanggungjawabkan
Timbalan Pesuruhjaya	Ibu Pejabat dan Negeri
Timbalan Pesuruhjaya (Teknikal)	Negeri
Penguasa Daerah	Daerah Banci
Penyelia	Lingkungan Banci
Pembanci	Blok Penghitungan

Maklumat dalam penerbitan ini adalah mengikut negeri, daerah pentadbiran dan mukim. Jadual 1 memaparkan data penduduk dan demografi kawasan Daerah Pentadbiran di peringkat negeri berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan (Malaysia) 1980, 1991, 2000, 2010 dan 2020.

PUNCA DATA

Data penduduk, isi rumah dan tempat kediaman merupakan penemuan utama yang berasaskan kepada data awalan yang dibuat selepas kerja luar dan sebelum prosesan data berkomputer.

PENDEKATAN BANCI

Pada Banci Malaysia 2020, pelbagai kaedah pengumpulan data telah digunakan:



1. e-Census

Pengisian soal selidik secara atas talian oleh responden melalui pautan Portal Banci (<https://ecensus.mycensus.gov.my>).



2. Computer Assisted Telephone Interview (CATI)

Pembanci akan membuat temu ramah melalui telefon dan semua maklumat responden akan dimasukkan dalam sistem CATI.



3. Computer Assisted Personal Interview (CAPI)

Pembanci akan melawat TK dan melakukan proses temu ramah bersama responden dengan merekodkan maklumat responden secara *online* dan *offline* menggunakan *tablet* atau telefon pintar.



4. Paper and Pen Interview (PAPI)

Pembanci akan melawat TK untuk melakukan proses temu ramah secara bersemuka kepada responden dan mencatatkan maklumat yang diperoleh di dalam borang soal selidik.



5. Drop-off & Pick-up (DOPU)

Pembanci meninggalkan borang soal selidik (*drop-off*) di TK responden dan mengambil semula borang soal selidik (*pick-up*) yang telah diisi dengan lengkap oleh responden.

De Jure

Banci Malaysia 2020 menggunakan pendekatan 'de jure' bermaksud di mana semua orang dihitug pada Hari Banci (7 Julai 2020) mengikut tempat tinggal biasa mereka.

Soal selidik (Dokumen 2) telah digunakan untuk mengisi maklumat bagi orang yang berada di tempat tinggal persendirian manakala soal selidik (Dokumen 3a dan 3b) telah digunakan untuk tempat kediaman beramai-ramai seperti asrama kolej/ universiti, asrama perubatan, rumah kebajikan/ institusi sosial, berek polis/ tentera, penjara dan orang yang tiada tempat tinggal.

Pendekatan **de jure** telah diguna pakai untuk Banci Malaysia 2020. Pembancian dijalankan ke atas semua orang di tempat tinggal biasa mereka pada 7 Julai 2020 iaitu merujuk kepada mereka yang telah atau akan tinggal sebagai ahli biasa isi rumah ini bagi tempoh enam bulan atau lebih dalam tahun 2020 yang meliputi:

- a. Bayi yang lahir pada atau sebelum Hari Banci dan masih hidup pada Hari Banci (7 Julai 2020);
- b. Orang yang meninggal dunia pada atau selepas Hari Banci (7 Julai 2020);
- c. Penyewa, penumpang, pelawat, pembantu rumah, orang tua dan saudara mara yang biasa tinggal bersama IR ini;
- d. Pelajar (sekolah rendah dan menengah) yang tinggal di asrama (di Malaysia) dalam tahun 2020;
- e. Ahli biasa yang tiada di TK ini **untuk tempoh kurang dari 6 bulan** kerana bekerja, berkursus, bercuti, melancong ke tempat lain (dalam dan luar negara), mengunjungi tempat ibadat dan lain-lain; dan
- f. Sesiapa yang berada/ akan berada di hospital untuk tempoh kurang dari enam bulan dalam tahun 2020.

Berikutan penularan COVID-19 di seluruh negara, operasi banci telah dijadualkan semula sebanyak empat kali dalam tempoh Julai 2020 hingga Oktober 2021 dan ditutup secara rasmi pada 31 Oktober 2021. Pengiraan penduduk diselaraskan semula dengan tempoh rujukan banci.

LIPUTAN BANCI

Kategori berikut **tidak termasuk** dalam kiraan banci memandangkan mereka tinggal di negara ini kurang dari enam bulan dalam tahun 2020:

- a. Bayi yang lahir selepas Hari Banci (7 Julai 2020);
- b. Orang yang meninggal dunia sebelum Hari Banci (7 Julai 2020);
- c. Penuntut Malaysia yang telah berada di luar negara bagi tempoh lebih 6 bulan dalam tahun 2020; dan
- d. Rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara bagi tempoh lebih dari enam bulan dalam tahun 2020.

KONSEP DAN DEFINISI

Bagi tujuan banci ini, beberapa konsep digunakan iaitu:

Tempat Kediaman (TK)

Tempat kediaman adalah suatu struktur yang dibina berasingan dan bebas untuk tempat tinggal. Takrifan perkataan 'berasingan' dan 'bebas' adalah seperti berikut:

a. Berasingan

Struktur adalah dianggap berasingan jika ia dikelilingi oleh dinding, pagar dan sebagainya serta ditutupi oleh bumbung.

b. Bebas

Struktur dikatakan bebas apabila ia mempunyai jalan masuk terus dari tangga umum, tempat lalu lintas atau ruang lapang (iaitu penghuni boleh masuk atau keluar dari tempat kediaman mereka tanpa melalui perkarangan sesiapa pun).

Isi Rumah (IR)

Isi rumah terdiri daripada orang yang bersaudara dan/ atau orang yang tidak bersaudara yang biasanya tinggal bersama dan membuat peruntukan yang sama untuk makanan dan keperluan hidup yang lain.

Ketua Isi Rumah (KIR)

Ahli isi rumah yang biasa tinggal di tempat kediaman ini dan dianggap sebagai ketua oleh ahli-ahli isi rumah yang lain.

Ahli Biasa

Ahli isi rumah (AIR) yang telah atau akan tinggal bersama ahli isi rumah yang lain bagi tempoh enam bulan atau lebih dalam tahun banci, walaupun tiada semasa banci dijalankan.

Untuk tujuan penjadualan dan analisis, klasifikasi kumpulan etnik adalah berasaskan klasifikasi yang telah disahkan oleh *Inter Agency Technical Committee* (IATC). Pengelasan tersebut adalah seperti berikut:

Semenanjung Malaysia	Sabah & W.P. Labuan	Sarawak
Warganegara Malaysia	Warganegara Malaysia	Warganegara Malaysia
Bumiputera	Bumiputera	Bumiputera
Melayu	Melayu	Melayu
Bumiputera lain	Kadazan/Dusun Bajau	Iban
	Murut	Bidayuh
	Bumiputera lain	Melanau
		Bumiputera lain
Cina	Cina	Cina
India	India	India
Lain-lain	Lain-lain	Lain-lain
Bukan Warganegara	Bukan Warganegara	Bukan Warganegara

Selain daripada klasifikasi kumpulan etnik ini, etnik terperinci berdasarkan data yang diperoleh akan diterbitkan dari semasa ke semasa. Semua maklumat yang dikutip semasa banci termasuk kumpulan etnik dan kewarganegaraan adalah berdasarkan kepada jawapan responden dan tidak merujuk kepada sebarang dokumen rasmi.

Maklumat kewarganegaraan harus digunakan dengan berhati-hati kerana ianya tertakluk kepada ralat kandungan dan liputan terutamanya bagi bukan warganegara seperti banci.

Bagi tujuan penerbitan ini, beberapa istilah telah digunakan dan didefinisikan seperti berikut:

Purata kadar pertumbuhan penduduk tahunan

Purata kadar pertumbuhan penduduk tahunan telah dikira sebagai:

$$r = \left(\frac{1}{n} \ln \frac{P_n}{P_0} \right) \times 100$$

Di mana,

r = purata kadar pertumbuhan penduduk tahunan

n = bilangan tahun yang tepat di antara P_0 dan P_n

P_0 = penduduk pada tahun asal

P_n = penduduk pada tahun kemudiannya

$\ln$ = logaritma asli

Nisbah jantina

Nisbah jantina ialah bilangan lelaki bagi setiap 100 perempuan.

$$\text{Nisbah jantina} = \frac{\text{Bilangan lelaki dalam tahun } t}{\text{Bilangan perempuan dalam tahun } t} \times 100$$

Purata saiz isi rumah

Purata saiz isi rumah ialah bilangan orang bagi setiap isi rumah, dan dikira seperti berikut:

$$\text{Purata saiz isi rumah} = \frac{\text{Bilangan penduduk}}{\text{Bilangan isi rumah}}$$

Kepadatan penduduk

Kepadatan penduduk bagi satu kilometer persegi ialah nisbah penduduk sesebuah kawasan geografi yang tertentu pada keluasan kilometer persegi untuk kawasan yang sama.

PERUBAHAN KAWASAN/ SEMPADAN

Selepas tahun 2010, terdapat beberapa penubuhan kawasan baru atau perubahan sempadan yang telah diwartakan oleh pihak berkuasa berkenaan untuk wilayah persekutuan dan daerah pentadbiran. Senarai lampiran berkaitan penubuhan kawasan baru dan perubahan sempadan adalah seperti berikut:

- Lampiran 1 : Penubuhan Daerah Pentadbiran Baru Pada Banci 2020
- Lampiran 2 : Senarai Mukim/ Bandar/ Pekan Yang Termasuk Di Dalam Mukim/ Bandar/ Pekan Lain
- Lampiran 3 : Senarai Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Yang Terlibat Dengan Penubuhan atau Perubahan Sempadan Dan Nama, Malaysia, 2020
- Lampiran 4 : Bilangan Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Mengikut Negeri, Malaysia, 2020
- Lampiran 5 : Peta menunjukkan sempadan Negeri dan Daerah Pentadbiran, Malaysia 2020

Data DP yang dikeluarkan dalam laporan ini bagi tahun 1991, 2000 dan 2010 disesuaikan dengan mengambil kira daerah pentadbiran baru yang diwujudkan dan perubahan sempadan yang berlaku.

PETA MALAYSIA

Dalam penerbitan ini turut dimasukkan peta Malaysia (Lampiran 5) yang menunjukkan dua entiti geografi iaitu Semenanjung Malaysia dan Sabah/ Sarawak. Setiap satunya dilukis mengikut skala masing-masing. Walaupun dipisahkan oleh Laut China Selatan sejauh 500 kilometer, peta berkenaan dilukiskan berhampiran untuk mencapai maksud yang lebih jelas. Unit geografi yang ditunjukkan dalam peta meliputi 156 daerah pentadbiran serta tiga wilayah persekutuan iaitu Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

INDIKATOR DEMOGRAFI

Semua indikator demografi di dalam laporan ini dikira menggunakan anggaran penduduk pertengahan tahun. Walaubagaimanapun, indicator di peringkat daerah dikira menggunakan unjuran penduduk. Anggaran penduduk pertengahan tahun adalah berasaskan data Banci Penduduk dan Perumahan 2010 yang telah disesuaikan untuk kurang penghitungan.

Rekod kelahiran hidup, kelahiran mati dan kematian yang diperoleh dari Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah meliputi seluruh Malaysia. Bilangan kematian perinatal meliputi kelahiran mati dan kematian bayi yang berumur kurang daripada tujuh hari. Bilangan kematian ibu bersalin adalah meliputi kematian yang disebabkan gangguan mental. Data kematian di Sabah telah disesuaikan dengan angka kurang liputan pendaftaran yang diperoleh daripada hasil Kajian Kurang Liputan Pendaftaran Kematian di Sabah yang telah dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

KONSEP

Statistik Kematian dan Kelahiran

i. **Pertambahan semula jadi**

Merujuk kepada perbezaan di antara kelahiran dan kematian.

ii. **Kelahiran hidup**

Merujuk kepada kelahiran yang bernyawa semasa dilahirkan walaupun hanya seketika.

iii. **Kelahiran mati**

Merujuk kepada kelahiran selepas kehamilan 28 minggu atau lebih yang tiada tanda bernyawa semasa dilahirkan.

iv. **Kematian perinatal**

Merujuk kepada kelahiran mati dan kematian bayi yang berumur kurang daripada satu minggu.

v. **Kematian neonatal**

Merujuk kepada kematian bayi yang berumur kurang daripada 28 hari.

vi. Kematian bayi

Merujuk kepada kematian bayi yang berumur kurang daripada satu tahun.

vii. Kematian kanak-kanak

Merujuk kepada kematian kanak-kanak yang berumur 1-4 tahun.

viii. Kematian kurang daripada 5 tahun

Merujuk kepada kematian bayi dan kanak-kanak yang berumur kurang daripada 5 tahun.

ix. Kematian ibu bersalin

Kematian seorang wanita semasa hamil atau dalam tempoh 42 hari selepas bersalin atau keguguran atau pengguguran tanpa mengira tempoh dan lokasi kehamilan; akibat dari sebarang penyebab yang berkaitan atau diteruskan lagi oleh kehamilan atau pengendaliannya; tetapi bukan disebabkan oleh kemalangan atau penyakit sampingan lain.

x. Kadar Kesuburan Umur Tertentu

Merujuk kepada bilangan kelahiran oleh ibu bagi kumpulan umur tertentu dalam sesuatu tahun, bagi setiap 1,000 perempuan dalam kumpulan umur berkenaan.

xi. Kadar Kesuburan Jumlah

Merujuk kepada purata bilangan anak yang akan dilahirkan sekiranya seseorang perempuan terus hidup sehingga akhir tempoh reproduktifnya dan di sepanjang tempoh itu tertakluk kepada kadar kesuburan umur tertentu bagi sesuatu tahun. [Kadar ini diperolehi dengan menjumlahkan kadar kesuburan umur tertentu perempuan yang berumur 15-49 tahun (mengikut kumpulan umur lima tahun) dan didarabkan dengan 5].

xii. Kadar Kematian Umur Tertentu

Merujuk kepada purata kematian bagi setiap 1,000 penduduk mengikut umur tertentu.

PENGESAHAN SEBAB KEMATIAN

Pengesahan sebab kematian

- i. Maklumat sebab kematian terbahagi kepada dua iaitu sebab kematian yang disahkan dan tidak disahkan secara perubatan. Sebab kematian yang disahkan secara perubatan merujuk kepada pengesahan yang dibuat oleh Pegawai Perubatan dan Koroner sahaja. Koroner merupakan pegawai awam yang menyiasat kes kematian mengejut yang puncanya disyaki ada kaitan dengan kes jenayah. Sebab kematian yang tidak disahkan secara perubatan merujuk kepada pengesahan yang dibuat oleh pengesah yang tidak mempunyai kelayakan perubatan seperti polis atau orang perseorangan.
- ii. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan verifikasi data penyebab kematian yang tidak disahkan secara perubatan di Malaysia untuk meningkatkan peratusan sebab kematian yang disahkan secara perubatan. Sistem ini dikenali sebagai 'Sistem Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan'.
- iii. Sistem Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan ini adalah bertujuan untuk menambah baik pelaporan dan penulisan sebab kematian yang berlaku di luar premis kesihatan (hospital) dan tidak bertujuan untuk mengubah mana-mana Akta sedia ada, tidak boleh digunakan untuk mengubah sebab kematian sedia ada dalam pendaftaran di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan tidak boleh digunakan untuk kes-kes mahkamah.

Pengkodan sebab kematian

Sebab kematian yang disahkan dikod berdasarkan *International Statistical Classification of Diseases and Related Health Problem, 10th Revision (ICD-10)*. Sebab kematian yang tidak disahkan dikod berdasarkan Buku Kod Sebab Kematian Yang Tidak Disahkan Versi 3 yang telah dibangunkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia berdasarkan persetujuan dengan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara, Polis Diraja Malaysia dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

LIPUTAN DAN KEKANGAN

Liputan

- i. Perangkaan Perkahwinan dan Perceraian, Malaysia, 2021 mengandungi statistik perkahwinan dan perceraian Orang Islam dan Orang Bukan Islam bagi tahun rujukan 2019 dan 2020 mengikut negeri, daerah pentadbiran, jantina, kumpulan umur dan etnik.
- ii. Data perkahwinan dan perceraian Orang Islam di Malaysia diperoleh daripada Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). Sementara itu, data perkahwinan dan perceraian Orang Bukan Islam di Malaysia diperoleh daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).
- iii. Data perceraian Orang Islam yang diperoleh daripada JKSM adalah mengikut tarikh kes selesai dengan sabitan oleh Mahkamah Syariah. Sementara itu, data perceraian Orang Bukan Islam diperoleh daripada JPN adalah mengikut tarikh kes selesai dengan sabitan oleh Mahkamah Sivil.
- iv. Statistik perceraian tidak boleh dibuat perbandingan dengan statistik perkahwinan tahun semasa.

Kekangan

- i. Hasil tambah angka mengikut daerah pentadbiran adalah tidak sama dengan statistik perkahwinan Orang Islam yang dipaparkan di peringkat negeri khusus bagi Kelantan dan Sarawak. Maklumat tempat kediaman perkahwinan dalam negeri bagi Kelantan dan Sarawak adalah tidak tersedia bagi membolehkan penyusunan mengikut daerah pentadbiran dilaksanakan. Data perkahwinan Orang Islam bagi Kelantan dan Sarawak dibekalkan dalam bentuk jadual berformat.
- ii. Pengguna dinasihatkan supaya berhati-hati dalam menginterpretasikan data.

TARIKH PERISTIWA

Statistik yang dipersembahkan dalam penerbitan ini adalah mengikut tarikh kejadian perkahwinan dan perceraian bagi tahun rujukan.

MY LOCAL STATS

Maklumat asas

Jalan Persekutuan

Salah satu tugas utama Kementerian Kerja Raya (KKR) adalah membina dan menyelenggara jalan-jalan persekutuan yang diwartakan di bawah Menteri Kerja Raya Malaysia. Sehingga kini terdapat lebih daripada 19,000 km jalan persekutuan di seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak. Jalan-jalan ini telah diberi nama laluan masing-masing dan diselenggara oleh KKR melalui konsep penswastaan. Jalan-jalan persekutuan dikategorikan kepada empat (4) kategori utama, iaitu:-

- i. Jalan Persekutuan Utama;
- ii. Jalan Persekutuan Felda;
- iii. Jalan Persekutuan ke Institusi; dan
- iv. Jalan Persekutuan ke kawasan industri.

Kesemua kategori jalan ini mempunyai sistem penomboran masing-masing yang boleh dilihat pada papan tanda yang tertera di setiap jalan berkenaan.

Jalan Persekutuan adalah jalan-jalan penghubung antara negeri ke satu negeri dan dilabelkan dengan kod F atau FT. Jalan negeri dan bandaran adalah jalan-jalan penghubung antara bandar ke bandar dan dilabelkan dengan kod negeri-negeri berkenaan.

PERUMAHAN

Bab ini membentangkan perangkaan bagi sektor perumahan meliputi bilangan unit rumah kediaman yang siap dibina mengikut jenis perumahan. Siap dibina adalah terma yang digunakan bagi bangunan yang mana kerja pembinaan bangunan telah siap dan Sijil Layak Menduduki (CF)/ Sijil Layak Menduduki Sementara (TCF) telah diperoleh dalam tempoh kajian.

Sektor Kediaman

Sektor kediaman adalah harta yang digunakan sebagai tempat tinggal untuk jangka masa panjang tidak seperti rumah tumpangan atau hotel. Sektor ini dilengkapi dengan kemudahan asas. Ada sebahagiannya mendapat kelulusan sementara daripada Pihak Berkuasa Tempatan untuk tujuan lain seperti tadika. Harta ini boleh disewakan atau dihuni sendiri.

Struktur harta kediaman boleh dibina sama ada:

- i. Kekal;
- ii. Separa kekal; dan
- iii. Sementara;

Sektor kediaman termasuk

- i. Harta bertanah dan strata.

Sektor kediaman tidak termasuk:

- i. Rumah setinggan;
- ii. Kuarters institusi;
- iii. Rumah panjang; dan
- iv. Unit kediaman di rumah kedai.

Jenis-jenis tempat kediaman

Teres

Merujuk kepada unit teres satu tingkat atau lebih, termasuk tingkat mezanin dan loteng. Setiap unit individu berkongsi dinding dengan unit bersebelahan di dalam deret yang sama. Deretan mengandungi tiga unit atau lebih. Di pasaran unit-unit teres ini juga dikenali sebagai berangkai, *link*, *super link* dan sebagainya.

Berkembar

Unit berkembar (*semi-detached*) satu tingkat atau lebih, bermaksud dua unit yang bersambung antara satu sama lain oleh dinding tepi atau dinding belakang atau *porch*.

Sesebuah

Unit sesebuah (*detached*) satu tingkat atau lebih adalah unit individu yang terdiri bebas (*free-standing building*) dan tidak bersambung kepada mana-mana unit lain. Semua unit bertanah dengan hak milik berasingan termasuk dalam jenis ini. (Contoh: banglo, villa, *country home* dan *orchard bungalow*).

Rumah Bandar

Unit rumah bandar (*town house*) satu tingkat atau lebih merupakan unit kediaman individu yang bercantum secara menegak dan mendatar antara satu sama lain dalam satu blok. Setiap unit mempunyai hak milik strata dengan pintu akses berasingan.

Berkelompok

Unit rumah kelompok (*cluster*) merupakan sekumpulan unit individu satu tingkat atau lebih yang bercantum secara membelakang dan sisi dengan unit bersebelahan dan mempunyai hak milik berasingan serta tiada lorong belakang. Setiap kelompok mengandungi minimum empat unit rumah.

Unit berkelompok (*cluster*) adalah:

- i. Sekumpulan unit individu satu tingkat atau lebih;
- ii. Bersambung di antara satu sama lain oleh dinding tepi dan dinding belakang; dan
- iii. Tidak mempunyai lorong belakang.

Pangsa (Flat)

Rumah pangsa (*flat*) adalah bangunan berbilang tingkat untuk kediaman di mana setiap tingkat lazimnya melebihi satu unit dan setiap unit mempunyai hak milik strata.

Jenis pembangunan:

- i. Bertingkat rendah;
- i. Bertingkat sederhana; dan
- ii. Bertingkat tinggi.

Antara kemudahan awam yang disediakan:

- i. Ruang niaga;
- ii. Tempat letak kereta;
- iii. Tempat pembuangan sampah; dan
- iv. Lif.

Penyelenggaraan diuruskan oleh perbadanan pengurusan. Terdapat juga rumah pangsa bertingkat rendah tanpa lif.

Pangsapuri (*Apartment*)

Pangsapuri merupakan bangunan berbilang tingkat untuk kediaman di mana setiap tingkat lazimnya mengandungi lebih daripada satu unit dan setiap unit mempunyai hak milik strata. Kemudahan awam adalah lebih baik daripada yang terdapat di rumah pangsa.

Antara kemudahan tambahan yang disediakan meliputi:

- i. Kolam renang;
- ii. Gimnasium;
- iii. Pusat cucian pakaian; dan
- iv. Sistem keselamatan.

Penyelenggaraan diuruskan oleh perbadanan pengurusan. Nilai pasaran pangsapuri lebih tinggi daripada rumah pangsa.

Kondominium

Kondominium adalah bangunan kediaman mewah berbilang tingkat di mana setiap tingkat lazimnya mengandungi lebih daripada satu unit dan setiap unit mempunyai hak milik strata. Lazimnya kepadatan setiap tingkat adalah lebih rendah dari rumah pangsa dan pangsapuri.

Kemudahan yang disediakan adalah lebih baik daripada pangsapuri. Antara perkhidmatan yang disediakan adalah seperti berikut:

- i. Kolam renang;
- ii. Gimnasium;
- iii. Pusat cucian pakaian;
- iv. Sistem keselamatan; dan
- v. Rumah kelab.

Penyelenggaraan diuruskan oleh perbadanan pengurusan. Amnya kondominium bernilai lebih tinggi daripada pangsapuri.

Klasifikasi Kediaman

Kos Rendah

- i. Rumah kos rendah meliputi semua jenis unit kediaman serta semua jenis struktur binaan satu tingkat atau lebih;
- ii. Harga jualan pemaju dan pembeli dikawal mengikut dasar kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri;
- iii. Ia terdiri daripada unit bertanah atau strata; dan
- iv. Rumah ini juga dikenali sebagai:
 - a. Rumah mesra rakyat;
 - b. Rumah mampu milik;
 - c. Projek perumahan rakyat;
 - d. Rumah murah; dan
 - e. Perumahan awam kos rendah.

Kos Sederhana Rendah

- i. Meliputi semua jenis unit kediaman serta semua jenis struktur binaan satu tingkat atau lebih;
- ii. Harga jualan pemaju dan senarai pembelinya dikawal mengikut dasar kerajaan negeri;
- iii. Ia terdiri daripada unit bertanah atau strata; dan
- iv. Harga jualan lebih tinggi dari rumah kos rendah mengikut garis panduan kerajaan.

Kos Sederhana

- i. Meliputi semua jenis unit kediaman serta semua jenis struktur binaan satu tingkat atau lebih;
- ii. Ia terdiri daripada unit bertanah atau strata;
- iii. Harga jualan pemaju melebihi harga jualan rumah kos sederhana rendah atau kos rendah (bagi negeri yang tiada kos sederhana rendah); dan
- iv. Harga rumah ditetapkan mengikut garis panduan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Kos Tinggi

- i. Meliputi semua jenis unit kediaman serta semua jenis struktur binaan satu tingkat atau lebih;
- ii. Ia boleh terdiri daripada unit bertanah atau strata;
- iii. Harga jualan pemaju melebihi harga jualan rumah kos sederhana;
- iv. Harga rumah ditetapkan mengikut garis panduan KPKT; dan
- v. Kemasan lebih baik.

Tempat kediaman kosong

Tempat kediaman dikelaskan sebagai kosong jika biasanya ia tidak diduduki dan tidak digunakan sebagai tempat tinggal biasa pada Hari Banci. Kekosongan tempat kediaman ini mungkin disebabkan oleh:

- i. Baru siap/ untuk disewa atau dijual;
- ii. Untuk dibaiki/ ubahsuai;
- iii. Rumah peranginan;
- iv. Rumah pekerja bermusim;
- v. Hampir roboh; dan
- vi. Lain-lain.

GUNA TENAGA

Tenaga Buruh

Tenaga buruh merujuk kepada penduduk dalam umur bekerja 15 hingga 64 tahun sama ada bekerja atau menganggur.

Bekerja

Semua orang yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga sama ada sebagai majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji. Mereka juga dianggap bekerja jika:

- i. Tidak bekerja semasa minggu rujukan disebabkan sakit, kecederaan, tiada upaya, cuaca buruk, bercuti, pertelingkahan buruh dan sebab-sebab sosial atau keagamaan tetapi mempunyai pekerjaan, ladang, perusahaan atau perusahaan keluarga lain untuk kembali bekerja;
- ii. Tidak bekerja buat sementara waktu tetapi bergaji dan pasti akan dipanggil bekerja semula; dan
- iii. Bekerja kurang daripada 30 jam semasa minggu rujukan disebabkan bentuk kerja atau disebabkan kurang kerja dan berkeupayaan serta sanggup menerima tambahan bilangan jam bekerja. Kumpulan ini merupakan guna tenaga tidak penuh.

Mereka yang bekerja lebih daripada 30 jam semasa minggu rujukan merupakan guna tenaga penuh.

Penganggur

Penganggur adalah mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan dan dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu penganggur aktif dan penganggur tidak aktif.

Penganggur aktif adalah mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan dalam minggu rujukan.

Penganggur tidak aktif adalah mereka yang berada dalam kategori berikut:

- i. Tidak mencari pekerjaan dalam minggu rujukan kerana percaya tidak terdapat pekerjaan atau pun tidak berkelayakan;
- ii. Mungkin mencari pekerjaan jika tidak kerana sakit atau keadaan cuaca; dan
- iii. Telah mencari pekerjaan sebelum minggu rujukan dan sedang menunggu jawapan permohonan pekerjaan.

Kadar Penyertaan Tenaga Buruh

Aktiviti ekonomi penduduk pada keseluruhannya bergantung kepada ciri-ciri demografi sesuatu populasi. Dengan itu, pecahan mereka yang aktif secara ekonomi berbeza di antara kumpulan-kumpulan kecil penduduk tersebut. Perbezaan ini diukur dengan kadar aktiviti tertentu yang dikenali sebagai kadar penyertaan tenaga buruh.

Kadar penyertaan tenaga buruh ditakrifkan sebagai perkadaran penduduk dalam tenaga buruh kepada penduduk dalam umur bekerja (15-64 tahun) dalam bentuk peratusan.

$$\text{Kadar penyertaan tenaga buruh} = \frac{\text{Bilangan penduduk dalam tenaga buruh}}{\text{Bilangan penduduk umur bekerja (15-64 tahun)}} \times 100$$

Kadar Pengangguran

Kadar pengangguran ialah perkadaran penduduk yang menganggur kepada jumlah penduduk di dalam tenaga buruh. Kadar ini mengukur peratus penduduk di dalam tenaga buruh yang tidak bekerja.

$$\text{Kadar pengangguran} = \frac{\text{Bilangan penganggur}}{\text{Bilangan penduduk dalam tenaga buruh}} \times 100$$

Luar Tenaga Buruh

Penduduk yang tidak dikelaskan sebagai bekerja atau menganggur dikategorikan sebagai luar tenaga buruh. Kategori ini terdiri daripada suri rumah, pelajar (termasuk mereka yang akan melanjutkan pelajaran), mereka yang telah bersara, tidak berkeupayaan dan mereka yang tidak berminat untuk mencari pekerjaan.

Pencapaian Pendidikan

Merujuk kepada peringkat tertinggi seseorang itu telah menamatkan atau sedang mengikuti persekolahan di institusi pendidikan awam atau swasta yang menyediakan pendidikan rasmi dan dikategorikan seperti berikut:

i. Tiada pendidikan rasmi

Merujuk kepada mereka yang tidak pernah menghadiri mana-mana institusi pendidikan yang memberi pendidikan secara rasmi.

ii. Rendah

Merujuk kepada mereka yang telah mencapai pendidikan tertinggi di peringkat Tahun 1 hingga 6 atau yang setaraf.

iii. Menengah

Merujuk kepada mereka yang telah mencapai pendidikan tertinggi di peringkat Tingkatan 1 hingga 5 (termasuk kelas peralihan), *General Certificate of Education* (GCE), *O Level* atau yang setaraf. Ini termasuk program kemahiran asas di institusi latihan kemahiran khusus dan teknikal dengan tempoh pengajian sekurang-kurangnya enam bulan.

iv. Tertiar

Merujuk kepada mereka yang telah mencapai pendidikan tertinggi selepas Tingkatan 5.

Pekerjaan

Pekerjaan dikelaskan mengikut Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2013 berasaskan *International Standard Classification of Occupations (ISCO-08)* seperti berikut:

- i. Pengurus;
- ii. Profesional;
- iii. Juruteknik dan profesional bersekutu;
- iv. Pekerja sokongan perkeranian;
- v. Pekerja perkhidmatan dan jualan;
- vi. Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan, dan perikanan;
- vii. Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan;
- viii. Operator mesin dan loji, dan pemasang; dan
- ix. Pekerjaan asas.

Industri

Industri dikelaskan mengikut Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Versi 1.0 berasaskan kepada *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Revision 4*.

Pengelasan industri seseorang merujuk kepada yang berkaitan dengan pekerjaan utamanya. Klasifikasi MSIC 2008 Versi 1.0 bagi industri aktiviti isi rumah sebagai majikan; aktiviti mengeluarkan barangan dan perkhidmatan yang tidak dapat dibezakan oleh isi rumah untuk kegunaan sendiri hanya mengambil kira aktiviti isi rumah sebagai majikan.

Pusat Perkhidmatan Pekerjaan Awam

Perkhidmatan ini dikendalikan oleh Kementerian Sumber Manusia melalui *JobsMalaysia*, Jabatan Tenaga Kerja. Perkhidmatan ini disediakan di semua Pusat *JobsMalaysia* yang berperanan menjalankan padanan kerja antara pencari kerja dan majikan dalam pasaran buruh melalui kaedah secara dalam talian yang dikenali sebagai Portal *JobsMalaysia* dan pendekatan *human touch* dengan cara membantu pencari kerja dan majikan mendapatkan pekerjaan dan pekerja yang sesuai. Data yang ditunjukkan dalam jadual merujuk kepada mereka yang berdaftar di Portal *JobsMalaysia*.

Kekosongan dan Pemberhentian Pekerja

Kekosongan dan pemberhentian pekerja yang dilaporkan oleh majikan dalam bulan semasa di dalam Portal *JobsMalaysia*.

PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN

Pendapatan

Maklumat pendapatan yang terperinci diperoleh daripada ahli isi rumah yang menerima pendapatan. Konsep dan definisi pendapatan yang digunakan dalam penyiasatan ini adalah merujuk kepada *Canberra Group Handbook on Household Income Statistics, Second Edition (2011)* yang diterbitkan oleh *United Nations*.

Pendapatan Isi Rumah

Pendapatan isi rumah adalah jumlah pendapatan yang biasanya diterima (terakru) oleh ahli isi rumah, dalam bentuk wang tunai atau barangan yang diterima berulang kali dalam tempoh rujukan survei (jangka masa setahun atau lebih kumpulan).

Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah

Perbelanjaan penggunaan isi rumah adalah nilai daripada barangan dan perkhidmatan pengguna yang diperoleh, diguna atau dibayar oleh isi rumah melalui pembelian langsung, hasil pengeluaran sendiri, melalui pertukaran barangan dan perkhidmatan atau pendapatan dalam bentuk mata benda untuk memenuhi keperluan dan kehendak ahli isi rumah.

Perbelanjaan diklasifikasikan kepada 13 kumpulan utama mengikut *Classification of Individual Consumption According to Purpose (COICOP)*, *United Nations*:

- | | |
|----|---|
| 01 | Makanan & minuman bukan alkohol; |
| 02 | Minuman alkohol & tembakau; |
| 03 | Pakaian & kasut; |
| 04 | Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain; |
| 05 | Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah; |
| 06 | Kesihatan; |

- 07 Pengangkutan;
- 08 Komunikasi;
- 09 Perkhidmatan rekreasi & kebudayaan;
- 10 Pendidikan;
- 11 Restoran & hotel;
- 12 Pelbagai barangan & perkhidmatan; dan
- 13 Pelbagai perbelanjaan & perbelanjaan kewangan.

Walau bagaimanapun, dalam penerbitan ini, item-item perbelanjaan penggunaan merangkumi 12 kumpulan utama (01 - 12) sahaja.

Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun (CAGR)

Pengiraan kadar pertumbuhan tahunan dikompaun adalah berdasarkan kepada fungsi eksponen seperti berikut:

$$CAGR = \frac{\ln \left(\frac{Y_t}{Y_0} \right)}{t}$$

Di mana;

- CAGR kadar pertumbuhan tahunan dikompaun
- Y_t pendapatan isi rumah bulanan tahun semasa
- Y_0 pendapatan isi rumah bulanan tahun sebelumnya
- t tempoh masa

PENDIDIKAN

Sekolah

Sekolah terbahagi kepada dua kategori iaitu sekolah rendah dan menengah, meliputi sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan serta sekolah swasta.

Sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) meliputi sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan (Tamil dan Cina), sekolah agama bantuan kerajaan (SABK) serta sekolah khas. Manakala sekolah agensi kerajaan selain KPM merujuk kepada Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) dan sekolah tentera. Selain itu, terdapat sekolah di bawah seliaan Kerajaan Negeri iaitu sekolah agama negeri dan sekolah agama rakyat.

Sekolah menengah dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu menengah rendah, menengah atas dan lepasan menengah mengikut jurusan akademik, teknik dan vokasional. Sekolah Khas merujuk kepada sekolah yang menyediakan pendidikan kepada kanak-kanak kurang upaya yang tidak berupaya mengikuti sistem pendidikan sekolah biasa.

Guru

Bilangan guru termasuk guru terlatih dan tidak terlatih serta guru tetap dan sementara. Guru terbahagi kepada guru sekolah rendah dan menengah.

Murid

Murid sekolah terbahagi kepada empat peringkat iaitu prasekolah, rendah, menengah dan lepasan menengah. Pelajaran peringkat rendah biasanya bermula pada peringkat umur sekurang-kurangnya tujuh tahun dan mengambil masa selama enam tahun bagi menamatkan pelajaran pada peringkat tersebut.

Pada peringkat pelajaran menengah, kumpulan umur adalah 13 hingga 17 tahun. Manakala murid tingkatan enam termasuk dalam peringkat lepasan menengah. Bagi Kolej Vokasional pula, peringkat pengajian terdiri daripada dua bahagian iaitu peringkat pra-diploma bagi murid-murid Tahun 1 dan Tahun 2 serta peringkat Diploma bagi murid-murid Tahun 3 dan Tahun 4.

Keputusan Peperiksaan

Terdapat dua peperiksaan utama pada peringkat menengah iaitu Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia.

Sijil Pelajaran Malaysia diduduki selepas dua tahun belajar di peringkat menengah atas. Sijil Pelajaran Malaysia merujuk kepada sijil terbuka yang diperkenalkan mulai tahun 2000. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia diduduki selepas dua tahun berada di kelas pasca menengah. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia merujuk kepada sijil terbuka yang diperkenalkan mulai 1982.

Kolej Vokasional menawarkan Sijil Vokasional Malaysia (SVM) setelah murid berjaya menamatkan 2 tahun pengajian peringkat pra-diploma. Murid yang memperolehi SVM akan menyambung pengajian di peringkat Diploma selama 2 tahun dan akan dianugerahkan Diploma Vokasional Malaysia (DVM) setelah menamatkan pengajian.

Pendidikan Tinggi

Kelayakan minimum yang diperlukan untuk kemasukan ke institusi pengajian tinggi ialah lulus Sijil Pelajaran Malaysia atau Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelulusan yang setaraf dengannya. Pendidikan pada peringkat ini menyediakan kursus tertentu dalam pelbagai bidang pengajian.

Kolej Komuniti

Kolej Komuniti menjadi institusi yang menyediakan keperluan latihan dan kemahiran pada semua peringkat dan memberi peluang pendidikan kepada lepasan menengah sebelum ke pasaran tenaga kerja atau melanjutkan pendidikan ke peringkat lebih tinggi. Pada pertengahan Jun 2001, sebanyak 10 buah kolej komuniti rintis mula beroperasi.

KESIHATAN

Hospital Kerajaan

Hospital Kerajaan ialah semua hospital yang dianggotai oleh sekurang-kurangnya seorang doktor dan menyediakan wad bagi menempatkan pesakit, memberi rawatan perubatan dan penjagaan yang aktif. Pertubuhan yang hanya memberi rawatan penjagaan tidak diambil kira.

Institusi Perubatan Khas

Institusi Perubatan Khas merupakan hospital yang memberi rawatan perubatan dan penjagaan hanya untuk satu disiplin sahaja. Kategori ini tidak termasuk jabatan khas yang terletak di bawah pentadbiran hospital besar yang kadangkala diletakkan di tempat berasingan. Ini memandangkan bilangan katil yang disediakan telah dikira dalam jumlah katil hospital besar.

Katil

Bilangan katil merangkumi katil yang diselenggara secara berterusan bagi menempatkan dan mengadakan rawatan sepenuh masa kepada pesakit dalaman yang silih berganti. Katil tersebut diletakkan di wad atau di kawasan hospital di mana rawatan perubatan boleh diberi secara berterusan kepada pesakit dalaman. Bilangan katil meliputi jumlah katil yang biasanya terdapat di hospital, termasuk katil berkandang atau buaian yang disediakan bagi bayi yang memerlukan rawatan khas (seperti yang terdapat di Nurseri Rawatan Khas). Walau bagaimanapun, bilangan ini tidak termasuk katil di bilik bersalin, katil yang digunakan selepas pembiusan atau pembedahan, di mana ia tidak diselenggarakan untuk kegunaan pesakit secara berterusan. Katil untuk rawatan pemerhatian atau pemulihan di jabatan pesakit luar dan katil berkandang yang digunakan untuk bayi yang baru lahir di wad obstetrik juga tidak diambil kira. Bilangan katil merujuk kepada katil rasmi.

Doktor Gigi

Doktor gigi terbahagi kepada dua kategori iaitu Bahagian I dan Bahagian II. Doktor gigi Bahagian I merujuk kepada mereka yang berdaftar dan mempunyai kelayakan profesional manakala doktor gigi Bahagian II pula merujuk kepada mereka yang juga berdaftar tetapi tidak mempunyai kelayakan profesional.

Jururawat Masyarakat

Jururawat masyarakat terdiri daripada jururawat yang telah diberi latihan tentang perkhidmatan berkaitan kelahiran anak dan kejururawatan am di kawasan luar bandar.

Bidan dikelaskan kepada tiga kategori, iaitu Bidan Bahagian I, Bidan Bahagian II dan Jururawat Desa. Bidan Bahagian I terdiri daripada jururawat yang terlatih yang diberi latihan perbidanan dalam perkhidmatan. Bidan Bahagian II ialah bidan yang dilantik ke jawatan tersebut melalui proses pengambilan biasa dan diberi latihan khusus dalam perbidanan.

Sebab kematian disahkan

Secara perubatan merujuk kepada pengesahan yang dibuat oleh Pegawai Perubatan dan Koroner sahaja. Sebab kematian yang disahkan dikelaskan berdasarkan *International Statistical Classification of Diseases and Related Health Problems, 10th Revision (ICD-10)* yang diterbitkan oleh *World Health Organization (2010)*.

PERKHIDMATAN KEBAJIKAN

Kebajikan sosial meliputi aktiviti dan perkhidmatan bertujuan untuk membantu orang perseorangan, kumpulan dan masyarakat mengatasi masalah sosial yang timbul daripada perubahan persekitaran serta mereka yang memerlukan perhatian dan penjagaan yang khusus. Ini termasuklah program yang dirancang untuk memberi bantuan sosial dan perlindungan kepada mereka yang daif dan memerlukan.

PERHUBUNGAN DAN REKREASI

Pelancong dan Pelawat

Pelawat domestik ditakrifkan sebagai residen atau mereka yang tinggal di Malaysia sekurang-kurangnya setahun termasuk ekspatriat dan bukan warganegara, yang melakukan perjalanan di luar persekitaran biasanya dalam tempoh kurang daripada setahun untuk tujuan perniagaan, mengisi masa lapang atau urusan peribadi selain untuk diambil bekerja di tempat yang dilawati.

Pelawat domestik dikategorikan sebagai:

- i. Pelancong domestik merujuk kepada mereka yang melakukan perjalanan di dalam Malaysia sekurang-kurangnya satu malam (24 jam).
- ii. Pelawat harian merujuk kepada mereka yang melakukan perjalanan di dalam Malaysia kurang daripada 24 jam.

Premis Penginapan

Premis penginapan pelancongan meliputi hotel, rumah inapan, rumah tumpangan, hotel apartment, kondotel, rumah rehat, rumah pemalaman atau mana-mana tempat yang disediakan sebagai tempat penginapan pemalaman atau tempat tidur kepada pelancong.

Pusat Internet Malaysia (PIM)

Pusat Internet Malaysia (PIM) adalah satu inisiatif untuk membawa impak ekonomi dan sosial yang positif kepada komuniti luar bandar. Dilengkapi dengan 20 unit komputer bagi setiap premis PIM, pusat ini menyediakan akses internet dan juga latihan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) yang dikendalikan oleh penyelia pusat yang berkhidmat sepenuh masa. Premis-premis PIM juga dibina dengan kelengkapan yang mesra Orang Kurang Upaya (OKU) dan kanak-kanak untuk kemudahan pengunjung premis.

Pusat Internet Desa (PID)

Pusat Internet Desa (PID) merupakan satu program *telecentre* yang mula beroperasi pada tahun 2003 dan menyediakan perkhidmatan mengakses komputer dan internet terutamanya di kawasan luar bandar. Program ini bertujuan untuk merapatkan jurang digital di antara kawasan bandar dan luar bandar bagi memudahkan capaian maklumat tanpa sempadan dan pada masa yang sama meningkatkan kemahiran menggunakan teknologi digital.

Pusat Maklumat Rakyat (PMR)

Pusat Maklumat Rakyat (PMR) beroperasi sebagai hub maklumat kepada masyarakat di setiap Pejabat Penerangan Daerah. Pangkalan data ini mengandungi pelbagai maklumat merangkumi semua bidang dan dikemaskini mengikut keperluan dan perubahan semasa. Kini dikenali sebagai Portal 1KLIK.

Penembusan Jalur lebar

Pay-per-use adalah salah satu komponen di dalam langganan mudah alih jalur lebar. Caj *pay-per-use* boleh dikenakan jika pelanggan melebihi had penggunaan pelan data atau *add-on* pelan data atau jika mereka memilih untuk menggunakan perkhidmatan sekali-sekala semasa diperlukan di luar pelan data atau *add-on* pelan data. Langganan data *pay-per-use* hanya boleh dikira jika pelanggan telah menggunakan untuk mengakses internet dalam tempoh tiga bulan lepas.

Desa Lestari

Program Desa Lestari merupakan salah satu inisiatif Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), dalam usaha mentransformasikan desa menjadi sebuah kawasan yang maju dengan penduduk berpendapatan tinggi.

Perpustakaan

Statistik perpustakaan yang ditunjukkan dalam jadual adalah berkaitan dengan Perpustakaan Negara Malaysia dan Perpustakaan Awam Negeri sahaja. Ia tidak termasuk perpustakaan awam yang dikendalikan oleh Majlis Kerajaan Tempatan dan agensi kerajaan yang lain seperti KEMAS, FELDA, RISDA dan sebagainya.

Perkhidmatan yang diberikan oleh kedua-dua perpustakaan ini ialah tetap dan bergerak. Data bagi bilangan perpustakaan tetap termasuk perpustakaan pusat, cawangan dan desa. Bilangan keahliannya termasuk keahlian pusat, cawangan, desa, pinjaman kelompok dan keahlian pos. Perkhidmatan bergerak merujuk kepada perpustakaan bergerak yang memberi khidmat secara terus kepada pengguna dari satu hentian ke satu hentian yang lain. Hentian di mana perpustakaan tersebut berhenti tidak diambil kira sebagai pusat perkhidmatan perpustakaan. Keahlian perpustakaan dikategorikan kepada dua iaitu kanak-kanak (berumur bawah 13 tahun) dan dewasa (13 tahun dan lebih).

KEMUDAHAN ASAS

Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC)

Merupakan satu tempat yang melaksanakan inisiatif-inisiatif RTC secara bersepadu yang diperkenalkan oleh kerajaan di bawah *National Blue Ocean Strategy 4* (NBOS4). Kesemua inisiatif ini akan dilaksanakan di RTC dan kawasan 100km radius daripada RTC. Di bawah pelaksanaan program-program di RTC, sebanyak 8 inisiatif telah dikenalpasti, iaitu:

Inisiatif 1 - Latihan Kemahiran Kepada Penduduk Luar Bandar

Inisiatif 2 - Penubuhan Kios Informasi 1Malaysia

Inisiatif 3 - Pertanian Bernilai Tinggi

Inisiatif 4 - Pemprosesan Produk Agro-Makanan

Inisiatif 5 - Pengurusan Rantaian Bekalan Hasil Pertanian

Inisiatif 6 - Kerjasama Universiti

Inisiatif 7 - Perkhidmatan Keselamatan Makanan dan Farmaseutikal

Inisiatif 8 - Kemudahan Pembiayaan Kewangan kepada Penduduk Luar Bandar

Pelaksanaan kelapan-lapan inisiatif ini diterajui oleh pelbagai Kementerian di samping kerjasama dan sokongan daripada lain-lain Kementerian berkaitan. Sebagai contoh, dalam pelaksanaan Inisiatif 4, iaitu pemprosesan produk agro-makanan, pengusaha-pengusaha produk industri asas tani dibantu dalam pembangunan produk mereka melalui penjenamaan, pelabelan, pembungkusan dan persijilan dengan bantuan pelbagai agensi, antaranya Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Jabatan Kesihatan.

Komuniti Harapan Malaysia

Komuniti Harapan Malaysia adalah penjenamaan semula Komuniti 1Malaysia (K1M). K1M ditubuhkan berdasarkan '1Mukim 1Komuniti' yang memberi penekanan kepada kepelbagaian kaum di sesuatu penempatan sama ada di kampung, estet, kampung orang asli, tanah rancangan atau taman perumahan.

K1M merupakan satu gerakan rakyat secara sukarela, dinamik dan berwawasan berasaskan semangat Gagasan 1Malaysia untuk memperkasakan semangat perpaduan antara rakyat pelbagai kaum, memupuk semangat sukarelawan, menyebarkan ilmu pengetahuan dan menjadi agen perubahan dalam sesuatu komuniti. K1M adalah rakan strategik yang mempunyai rangkaian akar umbi merentasi sempadan agama, budaya, kaum dan geografi yang memainkan peranan sebagai perantara yang berpengaruh antara kerajaan dan rakyat.

Kelab Malaysiaku

Kelab Malaysiaku adalah penjenamaan semula Kelab 1Malaysia. Ia merupakan inisiatif Jabatan Penerangan Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam merancang dan melaksanakan satu program khas untuk golongan pelajar dan remaja sebagai usaha untuk membanteras gejala negatif dengan memperkenalkan Kelab 1Malaysia sebagai satu aktiviti dan platform remaja ke arah kehidupan sihat, cergas dan sebagai saluran untuk menyemai semangat patriotik. Kelab 1Malaysia ditubuhkan di sekolah-sekolah menengah terpilih seluruh negara sebagai salah satu kegiatan kokurikulum pelajar.

Iklan/ Billboard

Paparan iklan/*billboard* Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN) diselaraskan oleh Unit Publisiti Luar, Bahagian Komunikasi Visual dan Senireka JAPEN sejak tahun 1970-an di seluruh negara. Paparan iklan ini berfungsi untuk memberi kesedaran kepada orang ramai tentang agenda-agenda utama yang dijalankan oleh kerajaan kepada pengguna jalan raya. Antara kempen berkala yang disiarkan pada paparan iklan ini ialah Perayaan Hari Kebangsaan, Pembentangan Bajet Tahunan, Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong dan Rukun Negara serta memaparkan kempen-kempen di bawah pelbagai agensi lain seperti Kempen Perangi Rasuah Kejohanan Sukan Asia Tenggara (SEA) dan kempen-kempen utama yang lain.

Sisa

Aliran bahan pepejal, cecair dan gas, serta tenaga, yang dibuang, dilepaskan atau dikeluarkan oleh pertubuhan dan isi rumah melalui proses pengeluaran, penggunaan atau pengumpulan.

Tapak Pelupusan

Mana-mana tapak, selain tambak tanah kebersihan dan tambak tanah lengai, di mana sisa pepejal ditempatkan secara kekal.

Loji Rawatan

Loji tetap atau bergerak dan sistem yang menggabungkan struktur, kelengkapan yang digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan bagi merawat dan mengolah sisa pepejal terkawal.

CCTV

Pemasangan CCTV ini dilaksanakan bagi membantu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam meningkatkan tahap keselamatan awam di bandar berdasarkan 15 Langkah Bandar Selamat pada tahun 2010 iaitu melalui Strategi 2 (Memperkasakan Kawasan Sasaran). CCTV ini dipasang di lokasi *Hotspot* iaitu lokasi yang menyumbang kepada kadar indeks jenayah tinggi seperti jenayah jalanan serta jenayah harta benda dan lokasi ini ditentukan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan kerjasama PBT. Tujuan pemasangan CCTV ini adalah seperti mana berikut:

- a) Membantu pihak PDRM dalam melaksanakan pemantauan di lokasi yang mempunyai kadar indeks jenayah yang tinggi dan;
- b) Membantu pihak PBT dalam melaksanakan penguatkuasaan bagi aktiviti-aktiviti perbandaran seperti kawalan trafik dan pembuangan sampah haram.

Prasarana Belia dan Sukan

Kompleks Belia dan Sukan (KOMBES), Kompleks Rakan Muda (KRM), Kompleks Sukan Komuniti (KSK) dan Kompleks Sukan adalah merupakan prasarana kemudahan belia dan sukan yang disediakan oleh kerajaan bagi tujuan aktiviti rakyat Malaysia terutamanya golongan belia.

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR

Keluaran Dalam Negeri Kasar

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) boleh diukur dengan menggunakan tiga kaedah iaitu, Kaedah Pengeluaran (penjumlahan nilai ditambah), Perbelanjaan (penjumlahan perbelanjaan akhir) dan Pendapatan (penjumlahan pendapatan yang diagihkan oleh unit pengeluar residen). Walau bagaimanapun, penyusunan KDNK Negeri di Malaysia hanya menumpu kepada Kaedah Pengeluaran sahaja.

Pada asasnya KDNK ialah konsep nilai ditambah. Ia adalah jumlah nilai ditambah bagi semua pengeluar residen ditambah dengan cukai dan ditolak subsidi atas produk yang tidak termasuk dalam pengiraan output. KDNK berasaskan pendekatan pengeluaran (output) boleh didefinisikan sebagai jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan di Malaysia setelah ditolak dengan barangan dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran (penggunaan perantaraan) sebelum ditolak penggunaan modal tetap.

Kaedah ini turut dikenali sebagai kaedah nilai ditambah kerana ia bersamaan dengan penjumlahan nilai ditambah iaitu jumlah perbezaan di antara nilai output kasar unit pengeluaran residen (yang diukur dalam harga pengeluar) dengan nilai penggunaan perantaraan (yang diukur dalam nilai pembeli) dan ditambah dengan duti import. Perbezaan di antara output kasar dengan penggunaan perantaraan adalah nilai ditambah. Kaedah ini akan dapat menunjukkan sumbangan setiap aktiviti ekonomi terhadap keseluruhan KDNK.

Unit pengeluaran dianggap sebagai residen yang mana; individu atau isi rumah yang tinggal atau menetap di sesebuah negeri bagi tempoh tidak kurang dari satu tahun, manakala bagi pertubuhan pula ialah apabila ia mengekalkan pusat kepentingan ekonominya di wilayah ekonomi negeri tersebut sepanjang tempoh rujukan berkenaan. Wilayah ekonomi adalah terdiri daripada mana-mana kawasan geografi yang ditadbir oleh kerajaan negeri, di mana orang, barang, perkhidmatan, dan modal adalah bergerak secara bebas. KDNK pada harga pasaran/ pembeli mewakili keputusan akhir daripada aktiviti pengeluaran oleh unit pengeluar residen.

Pusat Kepentingan Ekonomi Utama

Sesuatu unit institusi dianggap residen bagi sesebuah wilayah ekonomi apabila wujudnya perkaitan yang kuat antara unit institusi tersebut di wilayah ekonomi tertentu, dengan kata lain, Pusat Kepentingan Ekonomi Utama (*System of National Accounts, SNA 2008*).

Pusat Kepentingan Ekonomi Utama merangkumi kawalan efektif sesebuah kerajaan negeri terhadap aktiviti ekonomi yang dilakukan khususnya ke atas hak pemilikan. Wilayah ekonomi adalah termasuk tanah, ruang udara, pengairan, hak ke atas perikanan, minyak atau mineral. Biasanya, kawalan efektif kerajaan negeri boleh dilihat melalui pemberian lesen, kawalan operasi dan sebagainya.

Sesuatu unit institusi mempunyai pusat kepentingan ekonomi yang dominan dalam sesebuah wilayah ekonomi apabila wujudnya lokasi, tempat kediaman, tempat pengeluaran atau lain-lain premis. Setiap unit tersebut terlibat dalam aktiviti ekonomi dan transaksi berskala besar bagi satu tempoh masa yang panjang.

KDNK Mengikut Negeri

KDNK mengikut Negeri adalah penyusunan KDNK yang merangkumi 13 buah negeri, W.P. Kuala Lumpur (termasuk W.P. Putrajaya) dan W.P. Labuan. Penyusunan ini hanya dikeluarkan secara tahunan dengan menggunakan kaedah pengeluaran pada harga malar 2010 mengikut kaedah pengeluaran. Konsep dan kaedah yang digariskan adalah berasaskan SNA 2008 yang ditakrifkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

KDNK Pada Harga Malar

KDNK pada harga malar adalah nilai KDNK tanpa kesan harga. KDNK pada harga malar ini penting bagi membolehkan perbandingan sebenar perubahan tingkat pengeluaran/ kuantiti barangan dan perkhidmatan yang berlaku dalam aktiviti ekonomi.

Supra State

Berdasarkan *System of National Accounts (SNA)* 2008, terdapat tiga jenis unit institusi iaitu yang mempunyai pusat kepentingan ekonomi dan kebanyakan aktiviti adalah di dalam lingkungan satu wilayah; unit pelbagai wilayah dengan pusat kepentingannya di beberapa wilayah tetapi bukan seluruh negara; dan unit yang beroperasi pada peringkat nasional, iaitu pusat kepentingannya tidak boleh dikaitkan dengan kedudukan geografi (*Supra State*). *Supra State* pada peringkat negeri adalah bersamaan dengan organisasi luar wilayah pada peringkat nasional. Di Malaysia, *Supra State* merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri.

INDEKS HARGA PENGGUNA

Indeks Harga Pengguna (IHP) mengukur perubahan peratus kos pembelian mengikut masa bagi 'bakul' tetap barangan dan perkhidmatan yang mewakili corak purata pembelian oleh sekumpulan penduduk pada sesuatu tempoh masa yang ditetapkan. 'Bakul' ini merujuk kepada barangan dan perkhidmatan yang mempunyai kualiti dan kuantiti yang seakan-akan sama atau tidak berubah, mengandungi item yang berada lama atau boleh diukur secara berterusan di pasaran berbanding dengan masa. Perubahan harga barangan yang berlaku dalam bakul ini adalah disebabkan oleh perubahan harga yang sebenarnya sahaja, iaitu perubahan harga ini tidak berkaitan langsung dengan perubahan pada kuantiti atau kualiti barangan dan perkhidmatan tersebut.

Indeks Harga dikira mengikut negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun, indeks bagi negeri Perlis digabungkan dengan Kedah, W.P. Putrajaya dengan Selangor dan W.P. Labuan dengan Sabah memandangkan sumbangan relatif yang kecil bagi negeri-negeri tersebut. Semasa Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah dijalankan, saiz sampel yang mewakili ketiga-tiga negeri ini tidak mencukupi bagi pengiraan indeks negeri.

EKSPORT DAN IMPORT

Pintu Keluar dan Masuk

Pintu keluar dan masuk merujuk kepada laluan untuk keluar atau masuk dari negara ini sama ada melalui laut, udara atau tanah (termasuk saluran paip dan kabel). Nilai eksport atau import mengikut negeri berdasarkan pintu keluar dan masuk tidak menggambarkan eksport atau import oleh negeri berkenaan sebaliknya hanya melalui pintu keluar dan masuk di negeri tersebut sahaja. Sebagai contoh, sesuatu barangan mungkin dikeluarkan oleh syarikat di negeri A dan dieksport melalui pintu keluar di negeri B. Berdasarkan pintu keluar dan masuk, nilai eksport tersebut akan dilaporkan oleh negeri B.

Nilai eksport atau import mengikut pintu keluar dan masuk tidak dilaporkan bagi negeri yang mempunyai kurang daripada tiga (3) pintu keluar dan masuk.

PERTANIAN

Pertanian merangkumi aktiviti penanaman, pemeliharaan dan penternakan haiwan dan pengeluaran produk haiwan, penebangan kayu balak dan tanaman lain, serta perikanan tangkapan dan akuakultur termasuk penggunaan sumber semulajadi tumbuh-tumbuhan dan haiwan. Industri ini dikelaskan mengikut Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Versi 1.0.

Perhutanan dan Pembalakan

Perhutanan dan pembalakan termasuk pengeluaran kayu balak untuk industri berasaskan kayu, meliputi pengekstrakan dan pengumpulan produk hutan bukan kayu yang tumbuh liar. Selain pengeluaran kayu balak, aktiviti perhutanan yang menghasilkan produk melalui proses minima seperti kayu api, kayu arang, raja kayu dan kayu balak yang digunakan dalam bentuk belum diproses (kayu cerucuk, kayu pulpa dan lain-lain).

Perikanan dan Akuakultur

Perikanan ialah penangkapan, pemungutan dan pembiakan hidupan laut daripada lautan, pinggir pantai, perairan pendalaman dan kuala atas dasar komersil dan untuk kegunaan sendiri, tetapi bukan untuk bersukan.

Akuakultur ialah proses pengeluaran yang melibatkan pengkulturan (termasuk tuaian) organisma akuatik dengan menggunakan teknik yang direka bentuk untuk meningkatkan pengeluaran organisma tersebut melebihi kapasiti persekitaran semulajadinya.

Ternakan

Ternakan ialah binatang atau unggas yang dipelihara untuk tujuan komersial dan pembiakan kecuali haiwan akuatik.

Pengeluaran Ternakan

Pengeluaran ternakan termasuk penternakan (ladang) dan pembiakan semua haiwan serta pengeluaran daripada hasil ternakan seperti telur, susu, madu dan sebagainya.

Jelapang Padi

Jelapang Padi ialah skim pengairan yang besar (keluasan melebihi 4,000 hektar) dan diiktiraf oleh kerajaan dalam Dasar Pertanian Negara sebagai kawasan utama pengeluaran padi. Terdapat lapan jelapang padi di Malaysia, iaitu, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kerian, IADA Barat Laut Selangor (BLS), IADA Pulau Pinang, IADA Seberang Perak, IADA KETARA dan IADA Kemasin Semarak.

Padi Musim Utama

Musim Utama ialah tempoh bertanam padi yang tidak memerlukan sistem pengairan secara menyeluruh. Dari segi pentadbiran, Musim Utama ditakrifkan sebagai tarikh padi mula ditanam antara 1 Ogos hingga 28/ 29 Februari tahun berikutnya. Definisi padi ditanam ialah menabur bagi sistem tabur terus dan mencedung bagi sistem semaian.

Luar Musim

Luar Musim ialah musim kering dan tanaman padi biasanya bergantung kepada sistem pengairan. Dari segi pentadbiran, Luar Musim ditakrifkan sebagai tarikh padi mula ditanam antara 1 Mac hingga 31 Julai dalam tahun berkenaan. Definisi padi ditanam ialah menabur bagi sistem tabur terus dan mencedung bagi sistem semaian.

PERLOMBONGAN DAN PENGKUARIAN

Perlombongan dan pengkuarian termasuk pengekstrakan mineral yang terjadi secara semulajadi seperti pepejal (batu arang dan bijih), cecair (petroleum) atau gas (gas asli). Pengekstrakan boleh dijalankan melalui pelbagai kaedah seperti perlombongan bawah tanah atau dedah, pengoperasian telaga, perlombongan dasar laut dan lain-lain;

- a. Perlombongan adalah ditakrif sebagai pengestrakan, pembersihan dan pemanfaatan mineral-mineral semulajadi, berbentuk pepejal seperti arang batu dan bijih, cecair seperti minyak mentah dan berbentuk gas seperti gas asli. Perlombongan termasuk lombong bawah tanah dan lombong permukaan, kuari dan telaga-telaga dan semua kegiatan tambahan untuk pembersihan dan pemanfaatan bijih dan mineral mentah lain seperti pemecahan, penapisan, pembasuhan, pembersihan, penggredan, pengilangan, pengapungan, peleburan, penggentelan, pengkacipan dan persiapan-persiapan lain yang diperlukan bagi menyediakan bahan-bahan ini untuk membolehkannya dipasarkan. Aktiviti perlombongan juga dikelaskan kepada kumpulan-kumpulan berdasarkan mineral utama yang dikeluarkan.
- b. Pengkuarian merujuk kepada aktiviti pengekstrakan dari lombong atau kuari dan pengorekan mendapan lanar (aluvium), pemecahan batu dan penggunaan garam paya. Produk ini digunakan dengan meluas dalam sektor pembinaan (contoh pasir, batu dan lain-lain), pembuatan bahan mentah (contoh tanah liat, gipsum, kalsium, dan lain-lain). Ia termasuk pengkuarian, pemotongan kasar bongkah batu dan batu bangunan seperti marmar, granit, batu pasir, dan lain-lain, pengkuarian, pemecahan dan pemotongan batu kapur, perlombongan gipsum dan anhidrit, perlombongan kapur dan dolomit, pengekstrakan dan penggorekan pasir industri, pasir untuk pembinaan dan kerikil, memecah dan menghancurkan batu dan kerikil, pengkuarian pasir dan perlombongan tanah liat, refraktori tanah liat dan kaolin. Ia juga termasuk perlombongan mineral kimia dan baja, pengekstrakan tanah gambut, pengekstrakan garam dan lain-lain.

- c. Petroleum dan gas asli merujuk kepada pengeluaran petroleum mentah, perlombongan dan pengekstrakan minyak daripada minyak batu syal dan pasir minyak dan pengeluaran gas asli dan perolehan semula cecair hidrokarbon. Ia termasuk keseluruhan aktiviti pengoperasian dan/atau pembangunan kelengkapan lapangan minyak dan gas, termasuklah aktiviti seperti penggerudian, penyiapan dan melengkapkan telaga, operasi pengasingan, pemisahan emulsi, peralatan penyahkelodak dan penyambungan aktiviti lapangan untuk petroleum mentah dan semua aktiviti dalam penyediaan minyak dan gas sehingga ke tempat penghantaran daripada pusat pengeluaran. Ia juga termasuk aktiviti sokongan bagi pengekstrakan petroleum dan gas seperti perkhidmatan lapangan minyak dan gas, yang dibuat berdasarkan kontrak atau yuran, eksplorasi telaga minyak dan gas dan penggerudian ujian dan aktiviti penggerekkan (*boring*) yang baru diliputi dalam Banci Ekonomi 2016.

PEMBUATAN

Pembuatan adalah ditakrifkan sebagai perubahan fizikal atau kimia ke atas bahan atau komponen menjadi produk baru sama ada kerja itu dilakukan oleh jentera yang dijalankan dengan tangan, sama ada dijalankan dalam kilang atau di rumah pekerja, dan sama ada barang keluaran dijual secara borong atau runcit. Sebanyak 259 industri diliputi berdasarkan kategori yang dikelaskan di bawah Seksyen C – Pembuatan, Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC), 2008 Versi 1.0.

PEMBINAAN

Pembinaan ditakrifkan sebagai pembinaan baru, pengubahsuaian, pembaikan dan perobohan. Pemasangan sebarang jenis jentera atau peralatan yang dipasang ketika pembinaan asal adalah diambil kira, demikian juga bagi pemasangan jentera atau peralatan selepas pembinaan asal tetapi memerlukan perubahan struktur bagi pemasangannya. Sebanyak 72 industri diliputi berdasarkan kategori yang dikelaskan di bawah Seksyen F – Pembinaan, Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC), 2008 Versi 1.0.

PERKHIDMATAN

Perkhidmatan (Bekalan Elektrik, Gas, Wap dan Pendingin Udara)

Meliputi semua pertubuhan yang terlibat dengan aktiviti bekalan elektrik, gas, wap dan pendinginan udara sebagai kegiatan utama. Sebanyak lapan industri diliputi berdasarkan kategori yang dikelaskan di bawah Seksyen D, Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC), 2008 Versi 1.0. Bekalan elektrik, gas, wap dan pendinginan udara adalah ditakrifkan sebagai aktiviti pembekalan tenaga elektrik, gas asli, wap, air panas dan seumpamanya melalui satu infrastruktur (rangkaian) tetap bagi talian, saluran utama dan paip. Dimensi rangkaian ini tidak dapat ditentukan juga termasuk pengagihan elektrik, gas, wap, air panas dan seumpamanya di kawasan perindustrian atau bangunan tempat kediaman. Oleh itu, seksyen ini termasuk operasi utiliti elektrik dan gas yang menjana, mengawal dan mengagih tenaga elektrik atau gas. Juga termasuk bekalan wap dan pendinginan udara elektrik.

Perkhidmatan (Bekalan Air dan Pembentungan, Pengurusan Sisa & Aktiviti Pemulihan)

Meliputi semua pertubuhan yang terlibat dalam sektor bekalan air, pembentungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan. Sebanyak 18 kod industri di peringkat 5-digit diliputi berdasarkan kategori yang dikelaskan di bawah Seksyen E mengikut Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC), 2008 Versi 1.0. Takrif yang digunakan adalah selaras dengan Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC), 2008 Versi 1.0 iaitu aktiviti yang berkaitan dengan pengurusan sisa (termasuk pungutan, perawatan dan pelupusan) seperti sisa terjadual, sisa pepejal dan air sisa daripada perindustrian dan isi rumah, termasuk juga pemulihan bahan dan tapak yang tercemar. Hasil sisa daripada proses perawatan boleh dilupus atau menjadi input kepada proses pengeluaran yang lain. Aktiviti yang berkaitan dengan perawatan dan bekalan air juga dimasukkan dalam sektor ini.

Perdagangan Edaran

Perdagangan edaran merangkumi perdagangan borong, perdagangan runcit dan kenderaan bermotor.

Perdagangan Borong

Perdagangan Borong meliputi tujuh kumpulan seperti di bawah:

- i. Jualan borong berdasarkan kontrak atau yuran;
- ii. Jualan borong bahan mentah pertanian dan haiwan hidup;
- iii. Jualan borong makanan, minuman dan tembakau;
- iv. Jual borong barangan isi rumah;
- v. Jualan borong jentera, peralatan dan bekalan;
- vi. Lain-lain pengkhususan jual borong; dan
- vii. Perdagangan borong tanpa pengkhususan.

Perdagangan Runcit

Perdagangan Runcit meliputi sembilan kumpulan seperti di bawah:

- i. Jualan runcit di kedai bukan pengkhususan;
- ii. Jualan runcit makanan, minuman dan tembakau di kedai pengkhususan;
- iii. Jualan runcit di kedai khusus yang menjual bahan api kenderaan;
- iv. Jualan runcit di kedai khusus yang menjual peralatan komunikasi dan maklumat;
- v. Jualan runcit di kedai khusus yang menjual peralatan lain isi rumah;
- vi. Jualan runcit di kedai khusus yang menjual barangan kesenian dan rekreasi;
- vii. Jualan runcit di kedai khusus yang menjual barangan lain;
- viii. Jualan runcit di gerai dan pasar; dan
- ix. Jualan runcit bukan di kedai, gerai atau pasar.

Kenderaan Bermotor

Kenderaan Bermotor meliputi empat kumpulan seperti di bawah:

- i. Jualan kenderaan bermotor;
- ii. Penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan bermotor;
- iii. Jualan komponen dan aksesori kenderaan bermotor; dan
- iv. Jualan penyelenggaraan dan pembaikan motosikal dan komponen dan aksesori berkaitan.

Perkhidmatan Pengangkutan & Penyimpanan

Aktiviti perkhidmatan pengangkutan & penyimpanan adalah seperti berikut:

Pengangkutan darat

- i. Kereta api/ Transit Aliran Ringan;
- ii. Perkhidmatan bas;
- iii. Perkhidmatan teksi & kereta sewa;
- iv. Pengangkutan muatan jalan raya; dan
- v. Pengangkutan darat lain.

Pengangkutan air

- i. Pengangkutan laut; dan
- ii. Pengangkutan air pedalaman.

Pengangkutan udara

- i. Pengangkutan udara.

Penggudangan & aktiviti sokongan

- i. Penyimpanan & gudang;
- ii. Pengoperasian terminal;
- iii. Tempat letak kereta;
- iv. Pengoperasian lebuh raya;
- v. Pengoperasian pelabuhan;
- vi. Pengendalian kargo/ pemunggahan;
- vii. Agensi perkapalan & penghantaran; dan
- viii. Lain-lain aktiviti sokongan perkhidmatan.

Perkhidmatan pos & kurier

- i. Perkhidmatan pos & kurier.

Perkhidmatan Kewangan

Pertubuhan berdaftar yang terlibat dalam perkhidmatan kewangan yang merangkumi aktiviti utama berikut:

- i. Aktiviti perantaraan kewangan;
- ii. Aktiviti perkhidmatan kewangan lain dan aktiviti sokongan kepada perkhidmatan kewangan;

- iii. Aktiviti insurans/ takaful, insurans/ takaful semula dan tabungan pencen & hemat; dan
- iv. Aktiviti sokongan kepada insurans/ takaful dan tabungan pencen.

Perkhidmatan Hartanah

Pertubuhan berdaftar yang terlibat dalam perkhidmatan hartanah yang merangkumi aktiviti utama berikut:

- i. Aktiviti hartanah bagi harta milikan sendiri atau pajakan; dan
- ii. Aktiviti hartanah atas dasar bayaran atau kontrak.

Perkhidmatan Penginapan

Pertubuhan berdaftar yang terlibat dalam perkhidmatan penginapan yang merangkumi aktiviti utama seperti berikut:

- i. Hotel dan hotel resort;
- ii. Hotel bajet;
- iii. Hotel apartmen;
- iv. Chalet;
- v. Rumah rehat/ rumah tetamu;
- vi. *Bed and breakfast unit*;
- vii. Asrama;
- viii. Aktiviti penginapan jangka masa pendek yang lain; dan
- ix. Tapak perkhemahan/ taman kenderaan rekreasi dan taman treler.

Perkhidmatan Maklumat dan Komunikasi

Pertubuhan berdaftar yang terlibat dalam perkhidmatan maklumat dan komunikasi yang merangkumi aktiviti utama berikut:

- i. Penerbitan;
- ii. Penerbitan wayang gambar, video & program televisyen, rakaman bunyi & penerbitan muzik;
- iii. Pemrograman dan penyiaran;
- iv. Perkhidmatan telekomunikasi;
- v. Pengaturcaraan komputer, perundingan & aktiviti yang berkaitan; dan
- vi. Perkhidmatan maklumat.

Pertubuhan

Sesebuah pertubuhan ditakrifkan sebagai 'satu unit ekonomi yang bergiat di bawah satu hak milik atau penguasaan tunggal, iaitu di bawah satu entiti yang sah. Ia menjalankan satu jenis aktiviti ekonomi utama di satu tempat/ lokasi fizikal'. Setiap pertubuhan diberikan klasifikasi industri berdasarkan aktiviti utamanya. Bagi pertubuhan yang menjalankan pelbagai aktiviti, unit yang bergiat dalam aktiviti yang berasingan dalam satu lokasi yang sama terdiri daripada entiti pertubuhan yang berbeza.

Nilai Ditambah

Nilai ditambah ialah tambahan kepada nilai komoditi dan perkhidmatan yang disumbangkan oleh sesebuah pertubuhan dan ia diperolehi daripada perbezaan nilai output kasar dengan nilai input perantaraan.

Bilangan Pekerja

Bilangan pekerja dalam sesebuah pertubuhan ditakrifkan sebagai jumlah bilangan orang yang diambil bekerja pada bulan Disember atau pada tempoh pembayaran gaji terakhir bagi tahun rujukan. Bilangan orang yang bekerja termasuk semua pemilik yang bekerja dan rakan niaga yang aktif, pekerja keluarga tidak bergaji dan pekerja bergaji. Termasuk dalam golongan ini ialah pekerja sambilan yang terdapat di dalam daftar gaji dan pekerja yang mogok, berpiket dan bercuti jangka pendek (cuti sakit, cuti rehat atau cuti kecemasan). Tidak termasuk pekerja yang cuti berpanjangan.

Nilai Harta Tetap

Harta tetap meliputi semua barang, baru atau terpakai, aset ketara dan aset tidak ketara yang mempunyai hayat produktif lebih daripada setahun (seperti tanah, bangunan, jentera dan alat kelengkapan, termasuk kelengkapan pengangkutan). Nilai yang dilaporkan adalah nilai seperti pada penghujung tahun rujukan dan ia mengikut buku akaun unit yang melaporkan. Ia termasuk perolehan baru sepanjang tahun berkenaan tetapi tidak termasuk harta yang dilupuskan pada tahun tersebut. Ianya adalah nilai bersih setelah ditolak susut nilai.

FORMULA

**Kadar
Pertambahan
Semula Jadi
Kasar** =
$$\frac{(\text{Bilangan kelahiran hidup} - \text{bilangan kematian})}{\text{dalam tahun } t} \times 1,000$$

Penduduk pertengahan tahun dalam tahun t

**Kadar
Kelahiran
Kasar** =
$$\frac{\text{Bilangan kelahiran hidup dalam tahun } t}{\text{Penduduk pertengahan tahun dalam tahun } t} \times 1,000$$

**Kadar
Kesuburan
Umur Tertentu** =
$$\frac{\text{Bilangan kelahiran hidup mengikut kumpulan umur ibu tertentu dalam tahun } t}{\text{Penduduk perempuan pertengahan tahun bagi kumpulan umur tertentu dalam tahun } t} \times 1,000$$

**Kadar
Kesuburan
Jumlah** =
$$5 \sum_i \left(\begin{array}{c} \text{Kadar} \\ \text{Kesuburan} \\ \text{Umur Tertentu} \end{array} \right)$$

di mana: i = (15-19), (20-24), ..., (45-49)

**Kadar
Kematian
Kasar** =
$$\frac{\text{Bilangan kematian dalam tahun } t}{\text{Penduduk pertengahan tahun dalam tahun } t} \times 1,000$$

**Kadar
Kelahiran
Mati** =
$$\frac{\text{Bilangan kelahiran mati dalam tahun } t}{(\text{Bilangan kelahiran hidup} + \text{bilangan kelahiran mati}) \text{ dalam tahun } t} \times 1,000$$

$$\text{Kadar Mortaliti Perinatal} = \frac{(\text{Bilangan kematian umur kurang daripada 1 minggu} + \text{bilangan kelahiran mati}) \text{ dalam tahun } t}{(\text{Bilangan kelahiran hidup} + \text{bilangan kelahiran mati}) \text{ dalam tahun } t} \times 1,000$$

$$\text{Kadar Mortaliti Neonatal} = \frac{\text{Bilangan kematian umur kurang daripada 28 hari dalam tahun } t}{\text{Bilangan kelahiran hidup dalam tahun } t} \times 1,000$$

$$\text{Kadar Mortaliti Bayi} = \frac{\text{Bilangan kematian umur kurang daripada 1 tahun dalam tahun } t}{\text{Bilangan kelahiran hidup dalam tahun } t} \times 1,000$$

$$\text{Kadar Mortaliti Kanak-Kanak} = \frac{\text{Bilangan kematian umur 1 – 4 tahun dalam tahun } t}{\text{Bilangan penduduk pertengahan tahun bagi umur 1-4 tahun dalam tahun } t} \times 1,000$$

$$\text{Kadar Mortaliti Kurang 5 Tahun} = \frac{\text{Bilangan kematian berumur kurang 5 tahun dalam tahun } t}{\text{Bilangan kelahiran hidup dalam tahun } t} \times 1,000$$

$$\text{Nisbah Mortaliti Ibu Bersalin} = \frac{\text{Bilangan kematian yang disebabkan oleh kesulitan semasa hamil atau semasa dalam melahirkan tempoh anak atau kematian 42 hari selepas bersalin dalam tahun } t}{\text{Bilangan kelahiran hidup dalam tahun } t} \times 100,000$$

$$\text{Kadar Kematian Umur Tertentu} = \frac{\text{Bilangan kematian mengikut kumpulan umur tertentu dalam tahun } t}{\text{Bilangan penduduk pertengahan tahun bagi kumpulan umur tertentu dalam tahun } t} \times 1,000$$

SIMBOL DAN SINGKATAN

0.0	Kurang daripada setengah unit terkecil yang ditunjukkan
..	Tidak diperoleh
-	Kosong/ Tiada Data
W.P.	Wilayah Persekutuan
P.B.T.	Pihak Berkuasa Tempatan
D.B.	Dewan Bandaraya
M.B.	Majlis Bandaraya
M.P.	Majlis Perbandaran
M.D.	Majlis Daerah
M.D.L.B.	Majlis Daerah Luar Bandar
L.B.	Lembaga Bandaran
L.K.	Lembaga Kemajuan
RM	Ringgit Malaysia
n.a	Tidak berkenaan

PEMBUNDARAN ANGKA

Hasil tambah bagi peratusan mungkin tidak sama dengan jumlah yang ditunjukkan kerana pembundaran secara bebas kepada satu titik perpuluhan.

**SENARAI DAERAH PENTADBIRAN, MUKIM DAN PIHAK
BERKUASA TEMPATAN (PBT)**



INTRODUCTION

The 2020 Population and Housing Census of Malaysia (MyCensus 2020) is the sixth census that was conducted since the formation of Malaysia in 1963. Previous censuses were carried out in 1970, 1980, 1991, 2000 and 2010. The Census 2020 provides information on the characteristics of living quarters, households and population in Malaysia as a benchmark for the demographic and socio-economic characteristics of the population. Census data form the basis for monitoring population and housing trends to national development planning.

The Federal Government is responsible for the undertaking of the census and it is conducted under the provision of the Census Act, 1960 (Revised-1969). The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) was entrusted to conduct the MyCensus 2020 with full co-operation and participation of several State Governments and Federal Government Agencies. The purpose of this report is to provide information on living quarters, households and population by state, administrative district, parliament and state legislative assembly in Malaysia.

The data in this publication is the census data of the Census of Malaysia 2020. Data for the years 1970, 1980, 1991, 2000 and 2010 refer to the final figures.

MyCensus 2020 is a complex data collection project. Therefore, the possibility of coverage and content errors is inevitable. In terms of coverage errors, part of living quarters, households or population may be left out, erroneously included or duplicated. Content errors in particular were based on erroneous responses on sex, age, citizenship, marital status, religion and ethnic group. To estimate the two errors, the Census Coverage Evaluation was completed, as recommended by the United Nations in the manual entitled *Principles and Recommendations for Population and Housing Censuses Revision 3* (UNSD, 2015). The rate for MyCensus 2020 will only be known after the CCES is completed.

This publication provides population and household data from MyCensus 2020 according to basic demographic characteristics such as sex, age group, ethnic group, religion, marital status and citizenship by state, administrative district and mukim.

GEOGRAPHICAL DIVISIONS

MyCensus 2020 covers all states in Malaysia. Each state is divided into its respective administrative district (AD). For the purpose of census operations, a small enumeration unit which is an enumeration block (EB) has been created and contained an average of 80 to 120 living quarters with an estimated population of 500 to 600 persons. Approximately 80 to 120 EBs form a census district (CD).

Malaysia consists of thirteen states and three federal territories. Each state is divided into several AD. In Kelantan, the AD is known as 'Jajahan'. Each AD is also stratified into mukim. This type of administrative structure is applicable to all states except Kelantan, Sabah, Sarawak, W.P. Labuan dan W.P. Putrajaya. In this matter, the state of Kelantan has three levels of administration that is 'jajahan, daerah and mukim'. For the state of Sabah, the mukim level does not exist whereas for Sarawak some AD are further sub-divided into sub-districts. W.P. Labuan and W.P. Putrajaya do not have mukims or other subdivisions as a unit of administration. List of Mukims for each state based on the list provided by the Department of Survey and Mapping Malaysia (JUPEM).

During the MyCensus 2020, an enumerator is entrusted with one EB. A supervisor will monitor the enumerators for the three census circles (CC), each consists approximately seven EBs. A District Superintendent will be responsible for a census district comprising approximately 15 CCs. All District Superintendents in every AD are under the responsibility of the Assistant Commissioner of Census. All Assistant Commissioners of each state are under the control of the Deputy Commissioner of Census for that state. The Deputy Commissioner of Census of each state is responsible directly to the Commissioner of Census.

To launch the census operation, each district also has officers appointed as MyAD and MyCD officers who are responsible for technical aspects and help monitor the progress of operations in the field. Meanwhile, from the aspect of training each enumerator and supervisor is given adequate training either through training workshops or online, namely the Malaysia Statistics Ubiquitous Learning (MySUL) training program.

The census organization at the state and geographical divisions is as follows :

Position	Area of Responsibility
Assistant Commissioner	Headquarters and State
Assistant Commissioner (Technical)	State
District Superintendent	Census District
Supervisor	Census Circle
Enumerator	Enumerator Block

Information in this publication refers to urban and rural areas by state and administrative districts. Table 1 shows data and administrative district by state based on the Population and Housing Censuses Malaysia of 1980, 1991, 2000, 2010 and 2020.

DATA SOURCE

The data on population, households and living quarters are preliminary figures based on summary counts made after the field operations prior to computer processing.

CENSUS APPROACH

In MyCensus 2020, a multi-modal data collection method was used:



1. e-Census

The completion of online census form by respondents through the Census Portal (<https://ecensus.mycensus.gov.my>).



2. Computer Assisted Telephone Interview (CATI)

Data collection through telephone and all respondent's information recorded into the CATI system.



3. Computer Assisted Personal Interview (CAPI)

A face to face interview or data collection using smart device either online or offline.



4. Paper and Pen Interview (PAPI)

A face to face interview or data collection using questionnaire.



5. Drop-off & pick-up (DOPU)

Census enumerator drop off a set of questionnaire at respondent's living quarter and pick up the questionnaire that has been filled by the respondent.

De Jure

MyCensus 2020 uses a 'de jure' approach meaning that everyone is counted on Census Day (7th July 2020) according to their usual place of residence.

The questionnaire (Document 2) was used to fill in the information of persons found at private living quarters whilst the Documents 3a and 3b were used for the collective living quarters such as colleges/ universities, medical hostels, charitable/ social welfare institutions, military/ police barracks, prisons as well as homeless persons.

The **de jure** approach was adopted for MyCensus 2020. All persons were according to their usual place of residence on Census Day on 7th July 2020. A usual member is one who had stayed or intended to stay as usual member of the household for six months or more in the year 2020:

- a. Babies born on or before Census Day and still living on Census Day (7th July 2020);
- b. Those who passed away before Census Day (7th July 2020);
- c. Lodgers, boarders, visitors, housemaid, elderly persons and relatives who usually live together with this household;
- d. Students (primary and secondary schools) who stays in hostels (in Malaysia) in the year 2020;
- e. Usual members who are away from living quarters for less than six months because of work, attending course, on leave, on vacation (in and outside Malaysia), visiting place of worship and etc; and
- f. Any person staying/ will be staying in hospital for less than six months in the year 2020.

Following the outbreak COVID-19 nationwide, the census operation was rescheduled four times in the period of July 2020 to October 2021 and officially closed on 31 October 2021. In terms of population count, it is realigned to the reference period.

CENSUS COVERAGE

The following categories were **excluded** from the census count on the basis that they were staying in the country for less than six months in the year 2020:

- a) Babies born after Census Day (7th July 2020);
- b) Those who passed away before Census Day (7th July 2020);
- c) Malaysian students who have been living overseas for more than six months in the year 2020; and
- d) Malaysians who work overseas for more than six months in the year 2020.

CONCEPTS AND DEFINITION

For the purpose of this census, several concepts were used such as:

Living Quarters (LQ)

Living quarters is a place which is structurally separated and independent and is meant for living. The terms 'separate' and 'independent', mean the following:

a. **Separate**

A structure is considered separate if it is surrounded by walls, fence, etc. and is covered by a roof.

b. **Independent**

A structure is said to be independent if it has a direct access via a public staircase, communal passageway or landing (that is, occupants can come in or go out of their living quarters without passing through someone else's premises).

Household

A household consists of related and/ or unrelated persons who usually live together and make common provisions for food and other essentials of living. The household may contain one or several members.

Head of Household

Head of household refer to regular household members who live in the residence and is considered as the head by other members of household.

Member of Household

Member of household refers to members who have or will stay with other household members for a period of six months or more in the census year, although none during the census is held.

For the purpose of tabulation and analysis, the classification on ethnic group is based on the classification that have been endorsed by Inter Agency Technical Committee (IATC). The classification is as follows:

Peninsular Malaysia	Sabah & W.P. Labuan	Sarawak
Malaysian Citizens	Malaysian Citizens	Malaysian Citizens
Bumiputera	Bumiputera	Bumiputera
Malay	Malay	Malay
Other Bumiputera	Kadazan / Dusun	Iban
	Bajau	Bidayuh
	Murut	Melanau
	Other Bumiputera	Other Bumiputera
Chinese	Chinese	Chinese
Indians	Indians	Indians
Others	Others	Others
Non-Malaysian Citizens	Non-Malaysian Citizens	Non-Malaysian Citizens

Apart from the classification of these ethnics groups, detailed ethnicities based on the data obtained will be published from time to time. All information collected during the census including ethnic group and nationality is based on respondents answers and does not refer to any official documents.

Information on citizenship should be used with caution as it is subject to content and coverage errors especially for non-citizens as in censuses in most countries.

For the purpose of this publication, several terms are used and have been defined as follows:

Average annual population growth rate

The average annual population growth rate has been calculated as:

$$r = \left(\frac{1}{n} \ln \frac{P_n}{P_0} \right) \times 100$$

Where;

- r = the average annual population growth rate;
- n = the exact number of years between P_0 and P_n
- P_0 = the population at the initial year
- P_n = the population at the latter year
- $\ln$ = the natural logarithm.

Sex ratio

The sex ratio is the number of males per 100 females.

$$\text{Sex ratio} = \frac{\text{Number of males in year } t}{\text{Number of females in year } t} \times 100$$

Average household size

The average household size is the number of persons per household, and is calculated as:

$$\text{Average household size} = \frac{\text{Number of persons}}{\text{Number of households}}$$

Population Density

The density of persons per square kilometre is the ratio of the population of a given geographic area to the number of square kilometres in the same area.

Area/ Boundary Changes

After the year 2010, there were several new areas created or boundary changes that were gazetted by the relevant authorities. List of appendices related to the establishment of new areas and boundary changes are as follows:

- Appendix 1: Establishment of New Administrative Districts in the 2020 Census
- Appendix 2: List of Mukims/ Towns/ Towns Included in Other Mukims/ Towns/ other Towns
- Appendix 3: List of Local Authority Areas Involved in the Establishment or Change of Boundaries and Names, Malaysia, 2020
- Appendix 4: Number of Local Authority Areas by State, Malaysia, 2020
- Appendix 5: Map showing the boundaries of the State and Administrative District, Malaysia 2020

DP data released in this report for 1991, 2000 and 2010 were adjusted taking into account the newly created administrative districts and the boundary changes.

Map of Malaysia

Included in this publication is a map of Malaysia (Appendix 5) showing two geographic entities, namely Peninsular Malaysia and Sabah/ Sarawak, each drawn with its own scale, although separated by over 500 kilometres of the South China Sea. They are plotted in closer proximity to achieve maximum clarity. The geographic units shown in this map consist of 144 administrative districts as well as the three federal territories of Kuala Lumpur, Labuan and Putrajaya.

Demographic Indicator

All demographic indicators in this publication are calculated based on the mid-year population estimates. Mid-year population estimates are based on the 2010 Population and Housing Census which had been adjusted for under-enumeration.

The records on live births, stillbirths and deaths received from the National Registration Department (NRD) cover the whole Malaysia. The number of perinatal deaths covers stillbirths and infant deaths aged less than one week. The number of maternal deaths includes deaths caused by mental disorders. The number of deaths in Sabah has been adjusted due to under reporting of death registration obtained from the Study of Under Reporting of Death Registration in Sabah¹ which was conducted by the Department of Statistics, Malaysia.

CONCEPTS

Births and Deaths Statistics:

i. Natural Increase

Refers to the excess of births over deaths.

ii. Live births

Refers to births with signs of life during delivery although for a very short period.

iii. Stillbirths

Refers to births after 28 completed weeks or more of gestation without any sign of life during delivery.

iv. Perinatal deaths

Refers to stillbirths and deaths of infants aged less than one week.

v. Neonatal deaths

Refers to deaths of infants aged less than 28 days.

vi. Toddler deaths

Refers to deaths of toddlers aged 1-4 years.

vii. Under-5 mortality

Refers to deaths of infants and toddlers aged below 5 years.

viii. Maternal deaths

Definition of Maternal Death: The death of a woman while pregnant or within 42 days of termination of pregnancy, irrespective of the duration and site of the pregnancy, from any cause related to or aggravated by the pregnancy or its management but not from accidental or incidental causes.

ix. Infant deaths

Refers to deaths of infants aged less than one year.

x. Age-specific Fertility Rate

Refers to the number of births by mothers within a specific age group during a given year, per 1,000 females in that age group.

xi. Total Fertility Rate

Refers to the average number of children which would be born if women survived to the end of their reproductive period and throughout that period are subject to the schedule of age-specific fertility rates for the given year [This rate is derived by adding up the age-specific fertility rates of women aged 15-49 years (by five-year age groups) and multiplying by 5].

xii. Age-specific Death Rate

Refers to the average number of deaths for every thousand population within a specific age group.

VERIFICATION ON CAUSES OF DEATH

Verification on causes of death

- i. Information on the causes of death is divided into two parts which are medically certified and non-medically certified. Medically certified causes of death refer to verification made by the Medical Officer and coroner only. The coroner is a public officer who investigated sudden death cases where the cause is suspected to be related to a criminal case. Non-medically certified causes of death refers to verification made by informants without medical qualifications such as the police or individuals.
- ii. Ministry of Health (MoH) has implemented the verification of non-medically certified causes of death in Malaysia to increase the percentage of medically certified causes of death. The system is known as 'Data Verification on Non-medically Certified Causes of Death System'.
- iii. Data Verification on Non-medically Certified Causes of Death System is intended to improve the reporting and writing for the causes of death that occurred outside the health facilities (hospitals) and are not intended to alter any of the existing act, cannot be used for changing the existing causes of death registered at the National Registration Department (NRD) and is not unfitting to be used for court cases.

Coding On Causes Of Death

Medically certified causes of death are coded based on the International Statistical Classification of Diseases and Related Health Problem, 10th Revision (ICD-10). Not medically certified causes of death are coded based on Code Book for Uncertified Causes of Deaths Version 3 developed by the Department of Statistics Malaysia as agreed by the Ministry of Health Malaysia, National Registration Department, Royal Malaysia Police and Kuala Lumpur City Hall.

COVERAGE AND LIMITATION

Coverage

- i. *The Marriage and Divorce, Malaysia 2021 contains statistics of marriage and divorce for Muslim and Non-Muslim for the reference year 2019 and 2020 by state, administrative district, sex, age and ethnic group.*
- ii. *The data on marriage and divorce for Muslim are obtained from State Religious Department (JAIN), Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM) and Department of Syariah Judiciary Malaysia (JKSM). Meanwhile, the data on marriage and divorce for Non-Muslim in Malaysia are obtained from National Registration Department (NRD).*
